


**Jilid I**  
**Bil. 87**



**Hari Rabu**  
**7hb November, 1979**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 9363]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**  
**Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 [Ruangan 9393]**

**USUL:**  
**Anggaran Pembangunan, 1980 [Ruangan 9393]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

**Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**

**Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

” **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

” **Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

” **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

” **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

” **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**

” **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

” **Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**

” **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

” **Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).**

” **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

” **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**

” **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

” **Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

” **Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

” **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T. P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K., (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Best).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* Yahya bin Ahmad (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI DR HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

- Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok)
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I., (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran)
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu)
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMAD GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFEEK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).

Yang Berhormat TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).

- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Rabu, 7hb November, 1979
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**LEMBAGA PENASIHAT—  
MEMANSUHKAN**

**1. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memansuhkan Lembaga Penasihat yang ditugaskan untuk mengkaji semula setiap enam bulan penahanan orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana perakuan-perakuan Lembaga tersebut supaya seseorang tahanan itu dibebaskan jarang diterima atau dikuatkuasakan oleh Kerajaan.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, tuduhan yang mengatakan bahawa perakuan-perakuan pembebasan yang dibuat oleh Lembaga jarang-jarang diterima oleh Kerajaan, maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya mengatakan ini adalah fitnah semata-mata. Sejak tahun 1964 sehingga sekarang Lembaga telah membuat sebanyak 504 perakuan pembebasan dan dari jumlah tersebut hanya 2 permohonan pembebasannya yang tidak disetujui oleh Kerajaan. Sebaliknya, 10 perakuan Lembaga supaya terus ditahan telah dibebaskan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 26hb Oktober, 1979 Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga telah membuat satu kenyataan di sini mengatakan Lembaga Penasihat memperakukan pembebasan 53 orang yang ditahan di Batu Gajah tetapi katanya: Pihak Kerajaan menolak perakuan demikian. Ini juga pada

waktu itu saya minta notis. Perkara itu saya sudah kaji dan dapat tahu adalah satu contoh bahawa Yang Berhormat itu gemar mengada-adakan benda yang tidak ada. Kerajaan tidak pernah menerima perakuan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi dan Lembaga pun tidak pernah membuatnya.

Soal berkenaan dengan adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan Lembaga Penasihat, Kerajaan tidak bercadang mengambil langkah untuk memansuhkan Lembaga Penasihat yang ada kerana Kerajaan tidak bersetuju dengan sikap cara diktator yang di majukan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pihak Kerajaan sangat syukur kepada Tuhan bahawa Perlembagaan kita menentukan wujudnya satu-satu badan sebagai tempat boleh seseorang yang ditahan itu merayu. Kalau Yang Berhormat masih suka mengikut selaras diktatornya, cara-cara mengubah Lembaga ini ada di dalam Perlembagaan, maka terserahlah kepadanya untuk mengambil langkah itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa peraturan-peraturan yang ada mengenai kajian tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri berlagak sebagai seorang diktator kerana selain daripada Lembaga Penasihat, Yang Berhormat Menteri menggunakan satu badan khas dianggotai oleh pegawai-pegawai Cawangan Khas yang semua kita tahu boleh ketepikan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat yang termaktub dalam Perlembagaan dan ini menunjukkan kelakuan dictatorial. Dan bukanlah benar bahawa Lembaga Penasihat tidak dinafikan dalam banyak kes-kes kajian mengenai tahanan seseorang tidak boleh dapat maklumat-maklumat daripada pihak Cawangan Khas untuk menentukan sama ada ground of detention atau butir-butir tahanan seseorang itu benar atau tidak benar, patut atau

tidak patut. Bukanlah inipun satu kelakuan dictatorial Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri tidak mengatakan Yang Berhormat dari Petaling dicta'tor—cara dictatorial. Tetapi Yang Berhormat telah menuduh atau menganggap Yang Berhormat Menteri itu dictator, itu ada lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabar, duduk dahulu!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang kedua, mengenai perkara yang pertama dibangkitkan tadi mengenai penasihat daripada badan khas, itu pun sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri pada 26hb Oktober, 1979 iaitu badan itu terdiri daripada pegawai-pegawai dalam kementeriannya dan manamana Menteri boleh melantik pegawai-pegawainya sebagai penasihatnya sendiri selain daripada badan yang ada mengikut Perlembagaan.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, saya takjub juga bagaimana soal ini boleh timbul kerana cara-cara untuk mengatasi atau untuk mengeluarkan percanggahan antara pendapat Kerajaan dengan Lembaga itu adalah ditentukan oleh Perlembagaan iaitu dibawa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, bukan Menteri, di dalam hal ini.

Jadi Penasihat Khas yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi seolah-olah adalah satu badan yang lain daripada Lembaga. Ini sebenarnya tidak timbul kerana mengikut keadaan tiap-tiap Menteri itu berkehendakkan pegawai-pegawai yang bekerja dengannya seperti yang saya telah menjawab pada tempoh hari. Di sini saya tidak dapat bagaimana hendak memuaskan jawapan ini kepada Yang Berhormat dari Petaling kerana premise dia adalah salah sama sekali.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Melihat kepada jawapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri saya dapati bahawa Kerajaan begitu bersimpati dengan orang-orang tahanan. Umpamanya, beliau menerangkan bahawa dari 10 kes yang diperakukan supaya tidak dibebaskan telah dibebaskan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apakah perakuan-perakuan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat tersebut terhadap kes-kes orang tahanan kesemuanya didengar dan diikuti serta dibebaskan tanpa mempedulikan akan fakta-fakta keselamatan dan ketenteraman awam?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, maksud bagi mengadakan Lembaga itu ialah sebagai tempat orang yang ditahan itu dapat merayu. Jadi dalam tempoh daripada tahun 1964 sehingga pada masa sekarang kalau hanya 10 tidak diterima daripada perakuan yang dibuat oleh Lembaga sebanyak 504, ini bermakna bahawa Kerajaan telah meneliti tiap-tiap perakuan yang dibuat, melainkan apa yang dikatakan "borderline cases," di sanalah kebijaksanaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan masuk campur di dalam hal ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahagian kedua soalan saya iaitu bukankah benar bahawa Lembaga Penasihat dinafikan hak untuk mendapat maklumat-maklumat yang perlu untuk membolehkan Lembaga Penasihat untuk menentukan sama ada grounds of detention atau butiran-butiran penahanan seseorang benar atau tidak benar oleh kerana pihak Cawangan Khas ada maklumat-maklumat yang tidak boleh diberi kepada Lembaga Penasihat, dan bukankah ini bererti bahawa Lembaga Penasihat merupakan satu window dressing sahaja?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

## KEBUN GETAH PUSAKA

2. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memajukan kebun-kebun getah pusaka yang terbiar begitu sahaja di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedar bahawa kebun-kebun getah pusaka yang perlu menjalani bicara kuasa menghadapi masalah untuk menyertai rancangan tanaman semula. Perbicaraan kuasa dan lain-lain perkara yang terlibat dengannya biasanya mengambil masa yang panjang dan ini menjejaskan kawasan tersebut untuk tanaman semula. Beberapa kajian telah dibuat dan hasil dari kajian tersebut telah memberi gambaran bahawa masalah hak milik tanah getah pekebun-pekebun kecil adalah masalah yang sangat perlu diatasi supaya pekebun-pekebun kecil yang terlibat dapat menyertai rancangan tanaman semula dan seterusnya memperbaiki ekonomi mereka.

Penyelesaian mengambil kuasa atas tanah pusaka melalui surat cara (Letter of Administration) biasanya mengambil masa yang sangat panjang. Untuk mengatasi masalah ini, RISDA melonggarkan peraturan yang ada di mana kebun-kebun yang masih belum selesai mengambil kuasa tanah pusaka boleh ditimbangkan menyertai rancangan tanaman semula. Caranya begini.

Apabila seseorang pekebun kecil itu membuat permohonan memasuki ke dalam rancangan tanaman semula didapati perlu menjalani proses mengambil kuasa pusaka, pekebun kecil itu dinasihatkan untuk membuat permohonan mengambil kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah ataupun Mahkamah Tinggi. Permohonan ini dimajukan dengan sokongan daripada pihak RISDA menyatakan pemohon sudah membuat permohonan untuk masuk ke dalam rancangan tanaman semula dan pemerosesannya segera adalah perlu. Apabila permohonan telah dibuat kepada Pemungut Hasil Tanah dan pengakuan bahawa permohonan mengambil kuasa itu telah diterima oleh pihak yang berkenaan surat pengakuan ini dikemukakan kepada RISDA. Apabila surat pengakuan ini diterima oleh RISDA, pekebun-pekebun kecil berkenaan hanyalah dikehendaki menyelenggarakan surat cara jaminan yang disediakan oleh RISDA dan ini tidak mengambil masa yang lama untuk menguruskannya. Dengan tersempurnanya surat cara jaminan ini permohonan tersebut boleh dimasukkan ke dalam rancangan tanaman semula.

Dengan kelonggaran peraturan ini maka masalah tanah-tanah pusaka yang terbiar yang tidak dapat menyertai rancangan tanaman semula selama ini boleh menyertai rancangan tanaman semula.

### **MINYAK DIESEL—KEKURANGAN**

**3. Tuan P. Patto** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar pengilang-pengilang padi di Kedah menghadapi kesulitan untuk mendapat minyak disel dan akibatnya mereka tidak dapat memesinkan padi dan kini penanam-penanam padi terpaksa menjual padi mereka kepada LPN yang mengenakan bayaran pengangkutan sedangkan dahulu penanam-penanam padi tidak dikehendaki membayar bayaran pengangkutan apabila mereka menjual hasil mereka kepada pekilang-pekilang padi; jika sedar, nyatakan tindakan yang diambil untuk menentukan kilang-kilang padi akan berjalan tanpa apa-apa gangguan disebabkan kerana kekurangan minyak disel serta pendapatan penanam-penanam padi tidak terjejas.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pengilang-pengilang padi di Kedah telah menghadapi kesulitan untuk mendapatkan minyak disel dan dalam hal ini langkah-langkah telah diambil dengan kerjasama PETRONAS untuk membolehkan pengilang-pengilang padi di Kedah mendapat bekalan disel tersebut. Bekalan minyak disel yang pertama dan pengilang-pengilang di Kedah telah dibekalkan pada 3hb Oktober, 1979.

Berkaitan dengan soal jualan padi, petani-petani adalah bebas menjual padi mereka kepada pengilang-pengilang swasta atau kepada LPN dan saya percaya petani-petani telah mengambil perhitungan ke atas harga dan pendapatan akibat jualan padi-padi mereka itu.

Untuk maklumat Yang Berhormat, LPN membeli padi di pintu kilang. Oleh yang demikian, soal mengangkut padi di kilang tidaklah melibatkan LPN.

### **HARGA KAYU BALAK**

**4. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah yang menyebabkan harga kayu balak melambung begitu tinggi sekali dan apakah

langkah yang akan/telah diambil bagi mengatasi masalah kesusahan mendapatkan bahan membuat rumah/bangunan daripada kayu, terutama sekali bagi penduduk luar bandar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa harga kayu balak telahpun naik semenjak pertengahan tahun 1978. Faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan harga kayu balak ini adalah seperti berikut:

- (a) Permintaan tempatan dan juga permintaan seberang laut telah meningkat naik. Permintaan tempatan telah bertambah dengan pesatnya disebabkan oleh pertambahan kegiatan dalam bidang industri perumahan dan juga industri lain yang menggunakan kayu, di luar bandar dan juga di dalam kawasan bandar Semenanjung Malaysia. Permintaan seberang laut terutamanya dari negeri-negeri Jepun, Korea dan Taiwan telah juga meningkat naik dalam jangka masa yang sama;
- (b) Kos pengeluaran telah meningkat disebabkan oleh bekalan kayu balak yang dapat diusahakan semakin berkurangan terutama sekali dari kayu-kayu balak yang bermutu tinggi. Kos pengeluaran juga telah meningkat kerana kenaikan harga alat jentera serta "spare part" nya kuasa tenaga, gaji dan bayaran yang lain; dan
- (c) Dalam jangka masa yang sama harga pengangkutan untuk membawa kayu-kayu balak itu keluar juga telah meningkat naik.

Menyentuh pula tentang masalah kesusahan mendapatkan bahan membuat rumah/bangunan daripada kayu, terutama sekali bagi penduduk luar bandar, Kementerian saya telahpun mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini dengan menghadkan pengekspotan 16 jenis kayu balak dan kayu gergaji jenis yang digunakan dalam pembinaan rumah seperti Balau Merah (Damar Laut Merah atau Red Balau) dan Cengal bagi gred yang tinggi sahaja yang mana adalah tidak diperlukan di pasaran tempatan. Dengan langkah ini, gred-gred kayu gergaji yang rendah yang diperlukan oleh pasaran tempatan adalah kini bertambah bekalannya.

Di samping itu kayu gergaji jenis-jenis seperti yang digunakan untuk membuat perabot rumah juga telah diharamkan pengekspotannya mulai 15hb Mac, 1979 lagi.

Patut juga saya jelaskan di sini bahawa bekalan kayu gergaji untuk pasaran tempatan telah sebenarnya bertambah, misalnya dalam tahun 1976 hanya 41% daripada pengeluaran kayu gergaji telah digunakan untuk pasaran tempatan manakala dalam tahun 1978 angka ini telah meningkat kepada 52%. Oleh itu jelaslah bahawa bekalan untuk pasaran tempatan ini telah bertambah tetapi permintaan tempatan telah meningkat dengan lebih pesat lagi disebabkan oleh pertambahan kegiatan-kegiatan ekonomi di luar bandar dan juga di dalam kawasan bandar. Walau bagaimanapun, Kementerian saya percaya bahawa dengan langkah-langkah yang telah diambil itu maka masalah kesukaran untuk mendapat bahan membuat rumah/bangunan daripada kayu, terutama sekali bagi penduduk luar bandar akan berkurangan pada masa yang akan datang.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada mengatakan bahawa di antara sebab-sebab mengapa harga kayu balak naik ialah kerana kekurangan bekalan balak. Jadi, saya ada tiga soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, sama ada benar ataupun tidak bahawa kadar recovery rate di peringkat penebangan hutan (harvesting) dan juga di peringkat kilang papan adalah rendah lebih kurang 40% ataupun 50% sahaja. Jika benar, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah langkah-langkah yang konkrit dan positif diambil untuk mencari jalan supaya recovery rate ini dapat dipertingkatkan lagi dan dengan hal yang demikian dapat menambahkan lagi bekalan balak dalam negara kita.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sama ada benar ataupun tidak mengikut apa yang saya difahamkan iaitu dalam dasar perhutanan negara bahawa kadar penebangan tahunan yang lebih kurang sebanyak 900,000 ekar itu akan dikurangkan kepada lebih kurang 25,000 ekar sahaja setahun. Jadi, saya ingin bertanya apakah implikasi yang akan timbul terhadap kekurangan had penebangan tahunan ini.

Soalan yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah dua dahulu.

**Tuan Ismail bin Said:** Ada hubungannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan satu dan dua itu ada kaitannya, saya benar-benar, kalau tidak, satu sahaja soalan tambahan. Jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal recovery rate atau kadar di mana kita dapat hasil daripada perkayuan kita ini, sebenarnya memang agak rendah pada masa yang telah lalu. Ini disebabkan oleh pertamanya ialah penebangan yang dilakukan oleh loggers ataupun pembalok-pembalok tidak terkawal di kawasan-kawasan yang telah diperuntukkan kepada mereka. Jadi, mereka itu kadang-kadang hentam keromo sahaja dan banyak pokok-pokok yang tidak patut ditebang telah ditebang dan menjadi kadar pembaziran kayu-kayan di tempat penebangan menjadi tinggi.

Yang keduanya, ialah di negara kita ini masih kurang lagi industri-industri perkayuan yang dapat menggunakan kayu-kayu yang telah ditebang dengan secara tidak sengaja seperti kayu-kayu yang kecil atau kayu-kayu dari jenis yang kurang diketahui (lesser known species). Oleh yang demikian, Kementerian saya melalui Jabatan Perhutanan telah memikirkan cara-caranya dan di antaranya untuk mengatasi masalah ini, pertamanya ialah dengan menggalakkan pengilang-pengilang kayu kita menggunakan mesin-mesin yang baharu teknologinya di mana kita dapat meningkatkan lagi recovery rate apabila kayu-kayu yang dipotong ini digergaji di kilang-kilang.

Di samping itu pula, Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa menggalakkan penubuhan industri-industri yang lebih specialised bagi membolehkan kita menggunakan kayu-kayu yang kurang diketahui dan juga kayu-kayu yang telah dibazirkan, yang telah tidak digunakan apabila digergaji di kawasan penebangan. Saya rasa itulah di antaranya kita buat sekarang bagi mengatasi masalah-masalah yang telah disebutkan tadi.

Mengenai pengurangan kadar penebangan daripada 900,000 ekar di Semenanjung kepada lebih kurang 330,000 ekar seperti mana yang dicadangkan dan telah diper-

setujukan oleh Majlis Perhutanan Negara pada 10hb April tahun ini, implikasinya saya rasa ialah kita boleh memanjangkan lagi sumber perhutanan yang boleh digunakan di dalam negara ini. Dengan mengurangkan kadar potongan iaitu kadar penebangan ini kita boleh memanjangkan lagi jangka masa bagi kita menggunakan sumber-sumber perhutanan yang ada di negara kita. Dan dengan kurangnya penebangan ini bermakna pengilang-pengilang dan orang yang terlibat di dalam industri perkayuan akan dapat memberikan nilai yang lebih terhadap kayu-kayan kita dan dengan ini saya rasa dapat kita menggalakkan lagi industri-industri yang lebih specialised sebagaimana yang saya cakapkan tadi.

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah rancangan diambil oleh Kerajaan secara jangka panjang untuk mengatasi kekurangan kayu balak.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa langkah yang sedang kita jalankan. Pertama, sebagaimana yang telah saya katakan tadi Kerajaan sekarang sedang menimbangakan kemungkinan dan telah dipersetujukan pada dasarnya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri bagi kita mengurangkan kadar penebangan kayu-kayan ataupun kawasan perhutanan negara kita daripada 900,000 kepada 330,000 ekar setahun dan saya rasa sekiranya pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan memersetujukan ini maka ini adalah satu langkah positif ke arah menghadapi keadaan masa depan yang kita anggap kekurangan bekalan kayu balak.

Selain daripada itu, Kerajaan menekankan sekarang supaya usaha menanam semula hutan (re-forestation policy) hendaklah dijalankan dengan cara yang lebih positif oleh pihak Kerajaan Negeri dan pihak swasta dan kita percaya bahawa ini bertambah baik apabila di dalam pengisytiharan Budget 1980 yang telah lalu bahawa kos untuk menjalankan penanaman semula hutan ini telah dianggap sebagai approved crop yang memberikan pengecualian cukai dan ini satu penggalakan yang paling konstruktif ke arah membanyakkan lagi bekalan kayu kita di dalam negara.

Yang ketiganya, ialah Kerajaan menimbangkan juga kemungkinan sekiranya berlaku kekurangan yang serius bagi kita mengimpot balak-balak daripada negeri-negeri jiran kita yang sesuai bagi membolehkan kita menampung kekurangan yang wujud itu.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan bahawa di antara masalah yang dihadapi ialah kerana adanya penebangan secara hentam keromo oleh pembalak-pembalak ke atas kayu balak. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah bentuk kawalan ke atas penebangan secara hentam keromo ini yang telah diambil oleh Kerajaan dan sejauh manakah kawalan itu memberi kesannya ataupun kawalan-kawalan itu tidak berkesan kerana tidak dipedulikan oleh pembalak-pembalak tersebut kerana terdapat masalah-masalah korupsi di Jabatan Perhutanan sehingga kawalan itu tidak berjaya dan tidak berkesan.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat itu tidak mendengar kenyataan saya yang sebenar. Saya rasa apa yang saya cakapkan ialah perkara itu telah berlaku dan pada masa yang lalu. Pada masa sekarang keadaannya lebih baik dan sesuai dengan objektif ini maka tanggungjawab untuk menjaga ataupun penyeliaan terhadap potongan hutan ini sebenarnya bergantung bukan sahaja kepada Jabatan Perhutanan di bawah Kementerian saya tetapi juga terletak dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Jadi, sejak beberapa tahun yang lalu kita dapati bahawa penyeliaan itu telah bertambah baik dan bagi pihak Kementerian saya, kita telah menambahkan jumlah Penyeliaan-penyeliaan Hutan ini bagi memastikan bahawa pemotongan yang lebih sistematik dan yang lebih menguntungkan akan dapat dibuat oleh pembalak-pembalak. Begitu juga bahawa kita dapati bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri sekarang juga telah mengambil perhatian yang lebih berat dan yang lebih serius terhadap kegiatan pemotongan yang dijalankan oleh pembalak-pembalak di serata negara.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Kementerian yang berkenaan sedar atau tidak bahawa walaupun terdapat kayu-kayan yang diharamkan untuk dieksportkan tetapi kayu-

kayan yang diharamkan itu adalah kayu yang kurang digunakan pada biasanya dalam satu pembangunan atau membina sebuah rumah katanya. Masalah kekurangan adalah disebabkan kayu-kayu yang digunakan dengan lebih atau banyaknya dalam sebuah rumah, misalnya Meranti dan kayu itulah yang susah didapati. Saya ingin bertanya sama ada Kerajaan sedar keadaan ini.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rumah-rumah papan di kawasan luarbandar biasanya menggunakan kayu-kayu Balau Merah, Balau Kuning, Chengal dan Keruin, jadi inilah kayu-kayu yang digunakan oleh orang kampung kita untuk membina rumah-rumah mereka dan inilah jenis-jenis yang kita haramkan, sama ada dari segi balak ataupun daripada jenis-jenis kayu gergaji. Sebabnya kita berpendapat pembekalan kayu-kayu yang kurang bermutu ataupun yang rendah sedikit mutunya dalam pasaran tempatan saya rasa ialah kerana kayu-kayu ini adalah di dalam kemampuan orang-orang kita, terutamanya di luarbandar untuk membeli kayu-kayu itu dan seterusnya membina rumah-rumah mereka.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Perusahaan Utama akan bersedia untuk menyekat kuantiti eksport kayu-kayan kerana salah satu sebab yang mengakibatkan harga kayu-kayan melambung naik dan juga mengakibatkan masalah kekurangan kayu-kayan di pasaran Malaysia ialah kerana peniaga-peniaga lebih tertarik hati atas tawaran harga dari luar negeri dan harga pasaran Malaysia adalah lebih rendah. Maka bilakah tindakan untuk menyekat eksport ini akan diadakan oleh Kementerian Perusahaan Utama.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak mengikuti apa yang saya cakapkan tadi. Langkah-langkah penyekatan pengeksportan telahpun dijalankan dan setakat ini kita telahpun mengharamkan pengeksportan lebih kurang 16 jenis kayu-kayu balak demi kepentingan orang-orang kita di dalam negara ini. Daripada 16 jenis ini tadi bermakna setiap tahun sebanyak 230.5 juta isi padu kaki telah tidak dapat dieksportkan dan ini adalah bersedia untuk penggunaan orang-orang kita di dalam negeri.

Jadi kalau ada perlunya lagi maka Kementerian saya bersedia menimbangkan seterusnya jenis-jenis lain untuk disekat pengeksportannya.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar "balak-balak". Soalan tambahan saya dapatkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan kepada Dewan, sekurang-kurangnya kepada saya, berapa tahun agaknya umur kayu yang kecil baru tumbuh boleh dipanggil "balak"?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu tak perlu dijawab. Kena belajar sendiri, kena tengok—tak boleh! Menghabiskan masa di sini. Dalam buku keluaran nanti boleh baca. Dan mengikut Peraturan Mesyuarat tidak boleh bertanya soalan semacam itu.

#### MAJUTERNAK—MEMBEKALKAN DAGING

**5. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh Majuternak dalam membekal daging kepada orang ramai di waktu menjelang Hari Raya Puasa yang lalu khasnya di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Majuternak membekalkan daging kepada orang ramai menjelang Hari Raya Puasa yang lalu khasnya di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya adalah memuaskan. Majuternak telah dapat membekalkan daging yang cukup bukan sahaja di kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya tetapi juga ke negeri-negeri lain. Penyembelihan lembu di rumah sembelih Shah Alam telah ditambah dari 50 ekor sehari kepada 213 ekor, iaitu empat kali ganda dari jumlah penyembelihan hari biasa.

Peruncit-peruncit sementara juga telah dilantik di 12 tempat di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya untuk menjual daging-daging dengan harga \$3.60 sekati dan adalah didapati bekalan daging mencukupi pada musim perayaan tersebut.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa di musim Hari Raya Puasa yang lalu harga

daging di Kuala Lumpur adalah \$4 sekati tetapi kalau kita pergi ke kawasan luar bandar, misalnya di Gerik \$4.80 dan di Ipoh sampai \$5. Jadi apakah yang akan dijalankan oleh Majuternak supaya kawasan-kawasan luar bandar juga boleh mendapat daging di antara \$3.60 sehingga \$4 sebagaimana yang didapati di Kuala Lumpur.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada orang jual daging dengan harga lebih dari harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan tetapi Kerajaan hingga sekarang tidak dapat mengawal masalah ini dengan 100% sebab kita semua tahu orang itu pandai bertepuk-tepuk menjual, tetapi jikalau kita dapat kerjasama dari pembeli-pembeli kita tahu siapa yang menjual dengan harga terlampau tinggi, jangan pergi ke sana.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian ini mengetahui dan sedar walaupun daging yang dijual oleh Majuternak cara runcit \$3.60 tetapi orang tak mahu makan dan tak mahu beli dan akhirnya daging-daging itu dibuang oleh kerana . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini di Kota Setar atau di Kuala Lumpur?

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya khasnya, sebab saya bertanya pun di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan di Kota Setar?

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tidak, di Kota Setar dagingnya elok (*Ketawa*). Oleh kerana Majuternak telah mengambil satu cara pada tahun ini diruncit-runcitkan ataupun dikesil-kecilkan sekati, dua kati dibubuhkan dalam plastik untuk menyenangkan dijual dan daging ini diproses semalam, dijualnya esok. Daging apabila sudah lama masanya dia jadi busuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana daging pun sama tetapi soalan tambahannya.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Soalan tambahannya sama ada sedar atau tidak sedar bahawa daging yang dijual oleh Majuternak \$3.60 itu tidak disukai oleh orang ramai oleh kerana busuknya daging itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana sudah lama?

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Ya sudah lama.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar perkara ini berlaku.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberi tahu bahawa selain daripada pembekalan yang dibuat ke Kuala Lumpur dan Petaling Jaya daging-daging Majuternak telah juga dibekalkan ke negeri-negeri lain. Saya ingin bertanya kepada beliau negeri-negeri manakah daging-daging tersebut telah dibekalkan sewaktu hari raya tersebut dan apakah harga daging yang dibekalkan ke negeri-negeri tersebut sama dengan harga yang dibekalkan ke Kuala Lumpur?

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini berkenaan dengan detail.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa sekiranya didapati penjual-penjual daging itu menjual daging dengan harga yang tinggi maka janganlah beli. Tetapi soalnya tadi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gerik adalah tentang masalah yang dihadapi dalam musim Hari Raya Puasa. Saya ingin tahu kalau sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa harga itu dalam musim Hari Raya Puasa kalau tinggi, maka jangan beli, saya hendak bertanya sama ada Majuternak ada menyediakan tempat-tempat untuk membeli daging lembu oleh pembeli-pembeli, katakan di Gerik, di Lenggong, di Ipoh, di Kuala Kangsar, atau tidak. Kalau tidak, adakah cadangan untuk berbuat demikian pada waktu-waktu dalam musim Hari Raya Puasa atau lain-lain masa perayaan.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Speaker, saya berfaham begitu. Jikalau ada orang menjual daging dengan harga sampai \$5 atau \$6 dan rakyat tidak dapat membeli, itu bagaimana kita hendak memaksa. Kalau mereka tidak ada wang tidak payahlah membeli daging. Itu yang saya maksudkan sewaktu saya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Gerik tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalnya timbul tadi ialah kerana ada yang membeli terpaksa hendak datang ke Kuala Lumpur membeli daging yang murah. Itu yang menjadi soal tambahan daripada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Setar tadi tidak benar kerana memang menjadi amalan bahawa daging dijual pada hari ini kemudian ditaruh dalam chiller, kemudian hari esok baru diagih-agihkan. Ini adalah amalan biasa semenjak adanya rumah sembelih Shah Alam.

Perkara yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa harga yang berlainan iaitu \$3.60 di Kuala Lumpur dan \$4.00 atau \$5.00 di tempat lain, ini sebenarnya Majuternak belum lagi ada kuasa undang-undang untuk menetapkan harga daging iaitu \$3.60 sekati. Tetapi apa yang ada sekarang ialah persetujuan sahaja di antara peruncit-peruncit dengan Majuternak. Jadi ada kalanya peruncit-peruncit ini mendapat sumber daripada lain—kerbau dan lembu daripada tempat lain bukannya Majuternak tetapi ditaruhkan label Majuternak kerana hendak memburukkan nama Majuternak. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dengan fakta-fakta ini?

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Itulah saya katakan tadi saya tidak sedar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Setar tadi pernah berlaku.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah. Nantilah hari perayaan yang lain pula.

#### BUMIPUTRA JADI EJEN PETROL/ DISEL

6. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan syarikat-syarikat bumiputra yang telah dilantik menjadi ejen dalam perniagaan petrol dan disel di negara ini sekarang dan sama ada PETRONAS akan memberikan segala kemudahan kepada bumiputra dengan tubuhnya PETRONAS.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan syarikat-syarikat Bumiputra yang telah dilantik menjadi ejen dalam perniagaan petrol dan disel telah bertambah dari tahun ke setahun. Sebagai bukti dalam tahun 1976, bilangan Bumiputra dalam perniagaan tersebut hanya berjumlah 152 daripada kesemua wakil pengedar minyak petrol dan disel yang berjumlah ketika itu sebanyak 1,050. Ini merupakan 14.5%; angka ini telah meningkat naik kepada tahun 1978 di mana bilangan penyertaan Bumiputra ialah sebanyak 167 daripada 1,058 pengedar-pengedar ataupun merupakan 15.8%.

Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat, sama ada pihak PETRONAS akan memberikan segala kemudahan kepada Bumiputra, sukalah saya menegaskan bahawa buat masa sekarang PETRONAS masih di dalam peringkat perancangan untuk membantu kaum Bumiputra mengambil bahagian yang aktif di dalam perniagaan keluaran petroleum (petroleum products).

#### PENERBANGAN MAS KE SABAH/SARAWAK

**7. Tuan Racha Umong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan bilangan penerbangan MAS ke Bakalalan, Long Semadoh, Long Sukang dan Bario untuk memudahkan pengangkutan hasil dan bekalan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, untuk memperbaiki dan menambahkan lagi perkhidmatan penerbangan luar bandar di Sabah dan Sarawak, pihak MAS telahpun menyiapkan rancangannya untuk menambahkan lagi kapasiti dengan menggunakan kapalterbang jenis lebih besar daripada kapalterbang yang ada sekarang. Kapalterbang baru itu boleh muat 19 orang penumpang dan kargo yang lebih banyak daripada kapalterbang yang ada sekarang. Kapalterbang jenis baru itu dijangka dapat diperolehi dalam bulan April, 1980. Dengan adanya kapalterbang jenis lebih besar itu maka kapasiti bagi penerbangan-penerbangan luar dapat ditambah termasuklah bagi perkhidmatan-perkhidmatan kepada Bakalalan, Long

Semadoh dan Bario. Perkhidmatan-perkhidmatan mulai bulan April 1980, adalah seperti berikut:

#### KEKERAPAN MINGGUAN

Perjalanan	Masa Sekarang	Dalam Rancangan		Kapasiti Kenaikan (%)
	BN2	(Mulai bulan April, 1980)		
		BN2	Kapal-terbang jenis besar	
Lawas-Bakalalan dan balik .. .. .	6x	1x	5x	+115
Bakalalan-Bario dan balik .. .. .	1x	1x	—	—
Lawas-Long Semadoh dan balik .. .. .	5x	1x	4x	+110
Lawas-long Sukang dan balik .. .. .	4x	—	4x	+138
Marudi-Bario dan balik .. .. .	6x	1x	5x	+115
Miri-Bario dan balik ..	2x	1x	1x	+ 69

**Tuan Racha Umong:** Tadi saya telah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kapalterbang yang baru dan lagi lebih besar daripada yang ada sekarang dan jalan-jalannya pun sudah teratur. Dapatkah di antara beberapa penambahan kapalterbang itu dikeluarkan lebih awal, hujung tahun ini atau mulai tahun baru kerana sekarang masalah pengangkutan pergi ke tempat-tempat yang tersebut tadi sangat susah untuk membawa barang-barang dari Long Semadoh/Sukang dan Bakalalan/Bario. Dapat atau tidak dikeluarkan satu di antara beberapa penambahan kapalterbang tersebut.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar apa yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi dalam masalah ini ada dua perkara yang harus ditimbangkan. Pertama sekali apabila kita hendak menggunakan kapalterbang yang lebih besar sedikit maka perlulah lapangan terbang tempat itu perlu disesuaikan dengan kapalterbang yang akan digunakan. Yang keduanya, pembelian kapalterbang ini terpaksa menggunakan penempahan yang memerlukan masa bagi mendapatkan kapalterbang itu. Dalam rancangan MAS, bulan April baharulah dapat dilaksanakan kerana dijangkakan dalam masa dari sekarang selepas tambahan tempahan kapalterbang itu akan mungkin didapati sebelum bulan April.

## PENGELUARAN BARANG-BARANG KEPERLUAN NEGARA

**8. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa sama ada beliau sedar bahawa kemerosotan keluaran yang disengajakan oleh pengilang/peniaga mengenai kekurangan barang-barang perlu seperti beras dengan kegiatan sorok, pasar gelap dan lain-lain boleh menimbulkan keadaan curiga atau ketegangan kaum yang tidak menguntungkan negara dan sama ada tindakan merampas, menghukum dan membatalkan lesen perniagaannya dikenakan dengan seberat-beratnya dan bukan hanya dengan mengeluarkan amaran tetapi sepatutnya mengambil tindakan tegas yang boleh meyakinkan orang ramai untuk bekerjasama dengan Kerajaan. Jika ya, mengapa.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran barang-barang keperluan dalam negara pada masa ini tidak merosot sepertimana yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Ini dapat dipastikan dengan berdasarkan kepada fakta bahawa tidak ada laporan-laporan yang diterima mengenai kekurangan bekalan barang-barang perlu di Negara ini, kecuali laporan dan aduan kekurangan bekalan disel dan minyak tanah sahaja. Sebagaimana yang diketahui umum, kekurangan bahan-bahan petroleum ini mempunyai kaitan yang rapat dengan bekalan minyak mentah di peringkat Antarabangsa yang mana Negara kita juga telah turut terlibat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya sentiasa mengawasi pengeluaran dan bekalan barang-barang perlu di Negara ini dengan meneliti data-data pengeluaran melalui penyata-penyata bulanan yang diterima daripada Syarikat-syarikat Pengeluar. Kementerian saya juga menjalankan pengawasan ke atas pengedaran bekalan barang-barang keperluan dengan menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan dari masa ke semasa.

Kementerian saya memang sedar bahawa terdapat sebilangan peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan untuk melakukan penyelewengan seperti menyorok atau menjual barang-barang keperluan melalui pasar-pasar gelap, tetapi perlu ditegaskan di sini bahawa amalan seperti ini bukanlah satu perkara yang berlaku dengan berleluasa ataupun bebas. Pegawai-pegawai Kementerian saya dengan berpandukan kepada undang-undang yang tertentu, sentiasa dan akan mengambil

tindakan yang tegas terhadap mana-mana pihak yang melakukan penyelewengan ataupun mengamalkan amalan perniagaan yang tidak sihat ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sehingga 31-10-79 kes-kes yang telah diambil tindakan adalah seperti berikut:

- (i) Sebanyak 563 kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 diambil terhadap peniaga-peniaga yang melakukan penyelewengan ke atas barang-barang kawalan;
- (ii) Sebanyak 470 kes di bawah Akta Kawalan Harga 1946 diambil terhadap peniaga-peniaga yang gagal mempamerkan tanda harga bagi barang-barang berjadual;
- (iii) Sebanyak 561 kes di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 diambil terhadap peniaga-peniaga yang telah memperihalkan barang-barang dagangan mereka dengan perihal dagangan palsu;
- (iv) Sebanyak 462 kes di bawah Enekmen Timbang dan Sukat Negeri diambil terhadap mereka yang melakukan penipuan dengan menggunakan alat timbang dan sukat yang tidak betul; dan
- (v) Sebanyak 3 kes telah diambil terhadap peniaga-peniaga di bawah Akta Sewa Beli 1967. Jumlah kes ini masih rendah kerana undang-undang baru sahaja dipinda di mana kuasa-kuasa untuk mengambil tindakan jenayah baru diperuntukkan.

Daripada butir-butir yang disebutkan di atas, nyatalah sekali bahawa Kementerian saya bukan sahaja setakat memberi amaran kepada mereka yang melakukan penyelewengan di dalam menjalankan perniagaan, tetapi juga telah mengambil tindakan undang-undang dengan mendakwa mereka ke muka pengadilan.

Di sini sukalah saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai pada keseluruhannya supaya melaporkan kepada Kementerian saya sekiranya mengetahui adanya amalan-amalan yang tidak bertanggungjawab dan tidak sihat itu dilakukan oleh peniaga-peniaga yang berkenaan.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah memberitahu terdapat 5 jenis tindakan yang telah diambil terhadap

5 jenis penyelewengan dalam masalah perniagaan yang berkenaan. Saya ingin tahu adakah di antara tindakan-tindakan tersebut menghasilkan penarikan kembali lesen-lesen perniagaan daripada peniaga atau peruncit yang berkenaan?

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, jawabnya ada.

## ANGKATAN TENTERA—KEKUATAN

**9. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau mempunyai sebarang rancangan untuk menambahkan kekuatan Angkatan Bersenjata kita untuk menghadapi keadaan keselamatan pada masa sekarang.

**Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri yang bertanggungjawab di dalam soal pertahanan, saya adalah sentiasa mengkaji keadaan Angkatan Tentera kita bukan sahaja dari segi kekuatan tetapi juga dari segi peralatan, latihan dan penggunaan kemampuan supaya ianya dapat memenuhi tanggungjawab yang diharap daripadanya untuk menjaga keselamatan negara dari satu masa ke satu masa. Seperti Ahli Yang Berhormat boleh agak dari Anggaran Belanjawan untuk Kementerian Pertahanan bagi tahun 1980, Kerajaan kita telahpun meneruskan rancangan yang dimulainya dalam Rancangan Malaysia Ketiga, dengan menambahkan peruntukan untuk perkara-perkara yang saya sebut di atas. Saya boleh memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa rancangan pertahanan kita sedang dan akan terus diusaha untuk diparaskan dengan keadaan yang kita dapat ramalkan dari semasa ke semasa.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa peruntukan pada tahun akan datang untuk Kementerian Pertahanan akan ditambah sebagai satu langkah untuk menambah kekuatan Angkatan Bersenjata kita. Selain daripada itu, suka saya bertanya sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan sistem perkhidmatan negara atau national service sebagai satu langkah yang berkesan untuk menghadapi keadaan keselamatan di negara kita.

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, soal conscription serta "National Service" dan soal sis-

tem yang kita jalankan sekarang ini telahpun kita kaji. Masing-masingnya ada kebaikan dan ada juga keburukan. Tetapi dalam keadaan yang kita dapat ramalkan maka kita rasa tidak payah kita merombak segala sistem yang kita telah buat, kerana ini akan membabitkan banyak kelambatan dan akan menimbulkan banyak masalah daripada akan mengatasi masalah. Biasanya bagi pertahanan kita ini, adalah memadai mengambil (recruit) orang-orang yang sudah sedia benar-benar sanggup untuk menjalankan tugas dalam soal pertahanan dalam Angkatan Tentera. Kalau kita perbesarkan soal ini dengan menggunakan national service maka masalah menjalankan national service itu mungkin akan memberatkan lagi tanggungjawab yang ada sekarang ini.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah untuk membesarkan Angkatan Tentera kita ini termasuk juga langkah untuk memperbesar dan melengkapkan Pasukan Pertahanan Kedua dan Ketiga, misalnya Tentera Wataniah dan lain-lain tentera Pasukan Sukarela dan apakah pihak Kementerian bercadang atau bermaksud pada satu ketika yang tidak lama lagi kita akan mempunyai sebuah Pasukan Kereta Kebal sendiri.

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya boleh sebut di sini, langkah-langkah kita ambil untuk memperkuatkan Angkatan Tentera itu adalah menyeluruh termasuk soal menambah bilangan Askar Wataniah.

Soalan yang kedua, saya tidak mahu menjawab pada setakat ini.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa Kerajaan tidak bercadang mengadakan national service kerana melibatkan perbelanjaan yang lebih banyak lagi. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada keadaan yang runcing di rantau ini khususnya di Indo-China memerlukan suatu tentera di mana rakyat melibatkan diri dan memandangkan kepada keadaan ini tidakkah masanya sesuai sekarang untuk memperkenalkan national service.

Keduanya, dalam rancangan Kerajaan, Yang Berhormat Menteri ada berkata untuk memperkuat dan menambah tentera kita,

saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Kerajaan Malaysia kebanyakannya membeli alat-alat pertahanan (defence) ialah alat-alat yang sudah pun menjadi antique yang digunakan oleh Amerika, Pranchis atau Britain dan kita tidak sezaman dalam membeli alat-alat defence itu.

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa daripada segi soal militer, tidaklah kita boleh melafaskan apa keputusan ataupun implication daripada apa yang berlaku di Indo-China sekarang ini. Memang keadaan di Indo-China saya anggap sebagai liquid—very unclear, dan daripada segi angkatan tentera, kita belum dapat membentuk satu assessment yang boleh dikaitkan dengan bentuk pertahanan yang cukup detail. Kedua, mengenai soal pembelian kelengkapan. Saya tidak menerima kenyataan Yang Berhormat itu bahawa kita mempunyai kelengkapan yang cantik. Saya mengakui ada beberapa item dalam angkatan tentera pada mula-mulanya (pada satu ketika yang kita beli atau yang kita terima daripada pihak British dahulu). Tetapi pada masa sekarang ini saya boleh mengatakan kebanyakan daripada kelengkapan kita adalah cukup moden. Jika saya katakan moden, ini bererti baru. Tetapi dari segi sofistikasinya tidaklah boleh dibandingkan dengan kelengkapan super powers, kerana ancaman (threat) yang kita boleh ramalkan yang boleh dihadapi Malaysia bukanlah threat yang sama sophisticated seperti yang dihadapi oleh negara-negara super powers.

**Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa pada tahun yang akan datang ini jumlah perbelanjaan pembangunan bagi angkatan tentera kita ialah \$1,516.5 juta berbanding dengan tahun ini sebanyak \$702.3 juta. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa pada masa ini di negara kita, kita tidak memerlukan national service oleh kerana banyak di antara belia-belita kita yang sanggup untuk mempertahankan negara kita. Tetapi soalan tambahan saya ialah sama ada Kementerian beliau bercadang untuk memperbaiki lagi keadaan pekerjaan kepada tentera-tentera kita iaitu daripada segi misalnya kompensasi apabila berlaku satu-satu kemalangan dan juga kompensasi apabila berlaku satu-satu kematian kepada keluarga mereka dan juga sama ada pihak Kerajaan akan

memberikan pekerjaan ringan kepada tentera-tentera kita yang cedera akibat daripada jerangkap samar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya soalan ini terkeluar daripada soalan asal.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tadi Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah menyatakan bahawa tidak perlu diadakan national service di negara ini, tetapi ada anggota-anggota yang berghairah hendak meminta supaya diadakan national service di negara ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan apakah beliau sedar bahawa ada satu cara untuk menjalankan perkhidmatan untuk menggantikan national service itu iaitu apakah beliau berpuashati jumlah sumbangan rakyat yang bercakap tentang national service kepada Tabung Derma Perwira.

**Tuan Yang di-Pertua:** Inipun luar daripada soalan asal. Soalan asalnya ialah memperkuatkan pertahanan. Apa ada kena mengena dengan derma? Masa sudah cukup.

*(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 18 adalah diberi di bawah ini)*

#### **PETROL/DISEL STESYEN MINYAK— PEMBATALAN LESEN**

**10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar Kerajaan telah membatalkan atau menarik balik setengah-setengah lesen stesyen minyak petrol dan disel di dalam pemeriksaan yang dilakukan oleh Pegawai Penguatkuasa Perdagangan kerana melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian dan jika ya, apakah jenis penipuan dan penyelewengan yang dilakukan dan tempat di mana perkara ini berlaku.

**Tuan Abu Hassan bin Haji Omar:** Sehingga sekarang, Kementerian saya belum mengambil tindakan untuk membatalkan atau menarik balik Lesen-lesen Petrol/Disel Stesyen-stesyen Minyak. Apa yang telah dilakukan ialah menggantungkan (suspend) Lesen-lesen Petrol/Disel setengah-setengah stesyen minyak yang telah didapati melakukan kesalahan-kesalahan seperti enggan menjual minyak disel atau menjual minyak disel lebih daripada had yang ditentukan. Lesen-lesen tersebut telah ditahan untuk dijadikan bukti semasa perbicaraan di Mahkamah kelak.

Di samping itu, ada juga Lesen-lesen Petrol/Disel yang telah digantung kerana pemegang-pemegangnya telah didapati menjual minyak disel lebih daripada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Pemegang-pemegang lesen tersebut telah diminta memberi penjelasan bertulis di atas sebab-sebab mengapa minyak disel dijual lebih daripada harga yang ditetapkan. Jika penjelasan itu didapati tidak menasabah, Kementerian saya akan mengambil tindakan selanjutnya seperti membatalkan lesen-lesen mereka.

### ELECTRIC SHOCK—KEMATIAN KAKITANGAN LLN

**11. Tuan V. David** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat beberapa orang kakitangan di Lembaga Letrik Negara telah mati disebabkan "electric shock" di dalam beberapa bulan yang baru berlaku semasa mereka bekerja. Bolehkah beliau berikan bilangan orang yang telah mati dalam tahun 1978 dan 1979. Adakah beliau telah mendapati sebab-sebab berlakunya trajedi yang sedemikian. Adakah beliau bersetuju bahawa kebanyakan dari mereka telah tidak diberi latihan yang lengkap sebelum ditugaskan.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok):** Saya sedar terdapat beberapa orang kakitangan LLN yang telah mati akibat "electric shock" semasa mereka menjalankan kerjanya. Bilangan kemalangan yang melibatkan kecederaan dan maut untuk tahun 1978 dan sehingga Oktober 1979 adalah seperti berikut:

Tahun	Maut	Tidak maut
1978	1	1
1979	4	3

Boleh dikatakan semua kemalangan yang berlaku ini adalah disebabkan oleh kelalaian mereka sendiri seperti menyentuh wayar-wayar letrik yang masih hidup, melakukan sesuatu sebelum arahan dibuat oleh ketuanya dan sebagainya.

Saya tidak bersetuju jika dikatakan kemalangan-kemalangan ini berlaku akibat mereka tidak diberi latihan sempurna. Untuk makluman Yang Berhormat Lembaga Letrik Negara telah menubuhkan sebuah Instituit latihannya di Bangi yang menelan belanja \$56 juta dan ia telah mula digunakan sejak tahun 1978 lalu. Semua kakitangan teknikal LLN

diberi latihan yang sempurna di Instituit ini. Ini menunjukkan LLN memandang berat ke atas keselamatan pekerja-pekerjanya semasa menjalankan tugas.

### TALI PINGGANG KELEDAR— PERLAKSANAAN

**12. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada satu pemeriksaan telah ditentukan mengenai kebaikan dan keburukannya menggunakan tali pinggang keledar di kawasan kota dan sama ada penggunaan tali pinggang dapat mengurangkan kemalangan jalanraya terutama di kawasan kota semenjak dilaksanakan penggunaan tali pinggang itu.

**Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff:** Tidak. Saya suka menjelaskan bahawa mengikut penyelidikan yang telah diadakan oleh negara-negara asing tiga daripada empat kematian jalanraya berlaku di sekitar 25 batu dari rumah. Kecederaan atau kematian dalam kemalangan jalanraya tidak semestinya disebabkan oleh kelajuan kenderaan sahaja; kecederaan kepada pemandu atau penumpang boleh berlaku disebabkan tekanan brek yang tiba-tiba walaupun dengan kelajuan cuma 10 bsj. Oleh yang demikian, soal bagi menentukan kebaikan dan keburukan penggunaan tali pinggang keledar di kawasan dalam kota tidak timbul kerana faedah-faedah pemakaian tali pinggang keledar telah terbukti kepada kesemua perjalanan dalam kenderaan.

### KES PENIPUAN—BILANGAN

**13. Dr Hee Tien Lai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan mangsa penipuan dalam tahun 1977, 1978 dan sehingga bulan September, 1979 dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan berlakunya kes-kes penipuan ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Bilangan kes penipuan yang dilaporkan berlaku dari tahun 1977 hingga September, 1979 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Kes
1977	1,501
1978	1,269
1979 (September)	984

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kes-kes penipuan ini adalah tergolong dalam jenis jenayah yang tidak boleh dicegah (non-preventable crimes). Bagaimanapun, untuk

mengawal kejadian tersebut daripada berleluasa, Kerajaan telah menubuhkan satu Bahagian Jenayah Perdagangan (Commercial Crime Division) di Jabatan Polis sejak tahun 1962 lagi. Semenjak tahun 1976 pula seramai 66 orang pegawai dan anggota Polis dari Bahagian ini telah diberi latihan di dalam dan di luar negeri; malahan pada masa ini Kerajaan sedang menimbangkan untuk menambah lagi bilangan keanggotaan Bahagian tersebut.

#### **MURID-MURID KECICIRAN DI LUAR BANDAR**

**14. Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar bahawa ramai bilangan murid-murid luar bandar yang tercicir adalah disebabkan kekurangan guru-guru yang terlatih dan kekurangan peralatan dan jika ya apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah ini.

**Menteri Pelajaran (Dato Musa bin Hitam):** Sejak laporan keciciran dikeluarkan dalam tahun 1972 beberapa tindakan jangka panjang dan jangka pendek telah diambil oleh Kementerian saya untuk memastikan lebih banyak lagi murid-murid terus belajar ke peringkat menengah. Pada masa ini bilangan yang keciciran telah berkurangan dan masalah keciciran tidak lagi menjadi masalah utama seperti sebelum tahun 1972.

Di dalam beberapa tahun ini Kementerian saya telah berusaha untuk menambah guru-guru terlatih dan setakat ini keadaan telah beransur baik. Jikalau tiga empat tahun dahulu peratus guru-guru sementara pernah meningkat hingga 15%, tetapi sekarang peratus ini telah berkurang antara 1% di sekolah kebangsaan dan 7%-9%, di Sekolah Tamil dan China. Di dalam masa yang sama Kementerian saya telah memberi bantuan buku teks kepada murid di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah-sekolah Rendah Tamil dan China. Di samping itu Kementerian saya telah juga memberi makanan tambahan kepada murid-murid sekolah rendah untuk meninggikan lagi taraf kesihatan mereka. Pada masa ini kira-kira setengah juta murid terlibat dengan rancangan ini.

Selain daripada usaha-usaha yang saya sebutkan tadi, Kementerian saya telah menjalankan rancangan pembangunan dengan pesatnya umpamanya dengan mendirikan bilik-bilik darjah, makmal-makmal dan bengkel-bengkel demi kepentingan pelajaran

murid-murid di luar bandar ini. Dengan usaha-usaha yang telah saya sebutkan tadi saya yakin bahawa keciciran jikalau pun berlaku adalah disebabkan juga oleh faktor-faktor lain yang di luar kawalan Kementerian saya.

#### **PERJANJIAN MESIR/ISRAEL— PENDIRIAN ASEAN**

**15. Tuan V. David** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil dari perundingan penyelesaian di atas Israel dan Republik Arab Bersatu—apakah pendirian negara-negara ASEAN bersabit dengan penyelesaian itu dan sama ada perkara itu telah dibincangkan di peringkat ASEAN dan suatu pendirian yang jelas diambil tentang polisi masa depan terhadap Republik Arab Bersatu dan Israel.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum ASEAN pada asasnya adalah sebuah pertubuhan ekonomi, kebudayaan dan sosial. Walaupun Menteri-menteri Luar ASEAN kerap kali mengambil kesempatan membincangkan secara informal isu-isu politik serantau dan antarabangsa yang melibatkan kepentingan negara-negara ASEAN tetapi perkara Perjanjian Mesir/Israel telah tidak dibincangkan di peringkat ASEAN dengan tujuan mendapatkan suatu pendirian bersama. Tiap-tiap negara ASEAN mempunyai pendirian masing-masing. Tetapi tidaklah kena pada tempatnya bagi saya menerangkan di sini pendirian tiap-tiap negara ASEAN mengenai perkara tersebut. Walau bagaimanapun, pendirian Malaysia sendiri adalah tidak berganjak sebagaimana yang telah dijelaskan di Dewan ini pada masa-masa yang lalu, khususnya Malaysia menyokong segala usaha ke arah penyelesaian yang menyeluruh, adil dan berkekal ke atas pertikaian Arab/Israel itu.

#### **DOKTOR DI HOSPITAL-HOSPITAL DAERAH**

**16. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah pihak Kementerian masih belum menambah bilangan doktor-doktor di Hospital-hospital Daerah, memandangkan bahawa nisbah bilangan doktor-doktor dengan penduduk sudah tidak seimbang lagi dan ramainya pertambahan penduduk dari semasa ke semasa.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Kementerian Kesihatan sentiasa mengkaji keperluan Hospital-hospital Daerah bagi

doktor-doktor dari masa ke semasa dan sebenarnya perjawatan untuk doktor-doktor di Hospital-hospital Daerah itu didapati lebih daripada mencukupi. Hanya jawatan-jawatan itu tidak dapat dipenuhi oleh kerana kekurangan doktor. Walau bagaimanapun, dengan bertambahnya kemudahan-kemudahan latihan untuk mengeluarkan doktor-doktor yang terdapat di negara ini, maka Kementerian Kesihatan berharap akan berjaya mengatasi kekurangan ini dalam masa akan datang. Buat sementara waktu, untuk mengatasi sedikit sebanyak kekurangan ini Kementerian akan terus mengambil doktor-doktor kontrek dari luar negeri dan mengambil bekerja semula doktor-doktor yang sudah bersara.

### RAWATAN PERUBATAN KE ATAS ORANG-ORANG TAHANAN

**17. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan membenarkan satu penal perubatan yang dilantik oleh Persatuan Perubatan Malaysia untuk menjalankan siasatan ke dalam keadaan perubatan kem-kem tahanan dan juga ke dalam keadaan perubatan orang-orang tahanan memandang kepada tuduhan-tuduhan sama ada di kem tempatan maupun antarabangsa tentang kelalaian perubatan kepada orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang mengakibatkan kematian dan kejadian membunuh diri serta juga menderita secara fizikal.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kerajaan berpendapat peraturan rawatan perubatan dan kesihatan orang-orang tahanan di tempat tahanan adalah memuaskan. Mengikut Peruntukan di bawah perenggan 85 Kaedah Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Orang-orang Tahanan) satu Lembaga Pelawat telahpun diwujudkan dan telah melawat tempat-tempat tahanan sekurangnya sekali sebulan. Lembaga tersebut akan mengkaji keadaan tempat-tempat tahanan dan juga orang tahanan serta membuat perakuan kepada Kementerian. Manamana perakuan yang didapati menasabah adalah sentiasa diberi perhatian dan tindakan oleh Kerajaan. Sehingga ini Lembaga Pelawat berpuashati dengan kemudahan perubatan dan rawatan yang disediakan.

Kerajaan berpendapat tidak perlu satu penal perubatan yang dilantik oleh Persatuan Perubatan Malaysia menjalankan siasatan seperti yang dicadangkan itu.

### PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

**18. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa hingga bulan Oktober 1979 ini, berapakah orang pelajar Malaysia yang menuntut di institusi-institusi pelajaran tinggi di seberang laut, sila nyatakan komposisi kaumnya, dan nama negara-negara yang mereka menuntut, berapakah daripada mereka ini adalah terdiri daripada penuntut yang menerima biasiswa Kerajaan.

**Dato' Musa bin Hitam:** Hingga bulan Oktober 1979 jumlah pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di seberang laut dianggarkan seramai 40,600 orang. Dari jumlah ini terdapat seramai 33,254 orang pelajar kita yang sedang menuntut di institusi-institusi pelajaran tinggi. Pecahan menurut komposisi kaum dan negara-negara di mana mereka sedang melanjutkan pelajaran mereka di institusi-institusi pelajaran tinggi adalah seperti berikut:

Bil.	Negara	Pecahan Mengikut Kaum				Jumlah
		Bumi-putra	China	India	Lain-lain	
1.	United Kingdom ..	2,329	6,695	1,795	162	10,981
2.	India .. .. .	132	325	5,162	—	5,583
3.	Australia .. ..	274	3,718	126	36	4,154
4.	Amerika Syarikat ..	1,614	1,420	131	35	3,200
5.	Taiwan .. .. .	1	2,185	—	—	2,186
6.	Kanada .. .. .	46	1,920	36	—	2,002
7.	New Zealand .. ..	33	1,594	30	6	1,663
8.	Republic Arab Mesir	1,097	—	—	—	1,097
9.	Singapura .. ..	6	771	55	2	834
10.	Saudi Arabia .. ..	377	—	—	—	377
11.	Indonesia .. ..	349	5	1	—	355
12.	Jepun .. .. .	6	175	3	—	184
13.	Filipina .. .. .	73	57	4	1	135
14.	Hong Kong .. ..	—	109	—	—	109
15.	Belgium .. .. .	44	18	5	—	67
16.	Bangladesh .. ..	34	7	24	—	65
17.	Pakistan .. .. .	38	5	16	—	59
18.	Jerman Barat .. ..	22	21	4	—	47
19.	Iraq .. .. .	41	—	—	—	41
20.	Thailand .. .. .	1	23	2	1	27
21.	Perancis .. .. .	20	4	—	—	24
22.	Netherland .. ..	23	—	—	—	23
23.	Austria .. .. .	6	3	2	—	11
24.	Libya .. .. .	11	—	—	—	11
25.	Sri Lanka .. .. .	—	—	10	—	10
26.	Kuwait .. .. .	9	—	—	—	9
27.	Morocco .. .. .	2	—	—	—	2
	Jumlah .. .. .	6,588	19,055	7,370	243	33,256

Dari jumlah di atas seramai 6,958 orang pelajar terdiri daripada penuntut-penuntut yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan yang mana 6,677 adalah Bumiputra, 218 China, 57 India dan 6 lain-lain.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (6hb November, 1979).

#### DAN

#### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis.

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$9,856,562,316 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1980, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1980 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 tahun 1979, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (6hb November, 1979).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini masih membahaskan dalam soal Belanjawan dan saya akan meminta Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab pada hari Jumaat dan hari Isnin minggu hadapan. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat ada hari ini dan esok sahaja lagi dan mengikut senarai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berdiri yang ada di dalam catitan saya dan catitan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua ada 14 orang Ahli Yang Berhormat yang telah berdiri menyatakan hasrat hendak berucap. Kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain daripada 14 orang ini akan ditimbangkan kemudiannya,

melainkan ada di antaranya yang ada dalam catitan ini tidak bangun lagi untuk berucap. Mulai hari ini saya hadkan ucapan hanya kepada 30 minit sahaja tiap-tiap seorang.

Pada hari semalam waktu Dewan ini ditangguhkan Ahli Yang Berhormat dari Jerai sudah bercakap selama 26 minit. Jadi mulai hari ini saya telah menentukan setengah jam, hari semalam telah selesai tinggal 4 minit sahaja lagi kalau ada hendak menggulung. Ada atau tidak? Kalau tidak ada, saya beri kepada Ahli Yang Berhormat yang lain. Hendak ambil juga peluang 4 minit itu?

3.38 ptg.

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta tambah sedikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh.

**Tuan Ismail bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya semalam, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa apa yang saya harapkan supaya pihak Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam untuk dapat menyelaraskan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-hal ugama Islam terutamanya mengenai fatwa-fatwa dan sebagainya. Ini tidaklah saya bermaksud untuk menidakkan kepercayaan dan hak-hak mengenai pentadbiran dan urusan mengenai Ugama Islam oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau Duli Yang Maha Mulia Raja-raja menurut Perlembagaan yang sedia ternyata. Tetapi apa yang harus diberi perhatian oleh kita ialah di atas membulatkan satu saluran dan kata sepakat yang lebih berfaedah kepada menegakkan kebenaran dan hak di atas ajaran dan fahaman sebenarnya mengenai ugama Allah ini.

Ugama Islam bukan ugama ciptaan dan dengan itu perlulah satu penyelarasan diwujudkan bagi mendapatkan sumber yang sah dan nyata dari sudut ajarannya yang benar dan hendaklah mengelakkan dari memberi sesuatu pendapat berdasarkan perasaan dan fahaman sendiri lebih-lebih lagi jika diasaskan pula di atas kepentingan diri atau kumpulan-kumpulan sahaja. Jika tidak, apalah ertinya kata-kata, dengan izin, Yang di-Pertua, kulil-haq walauka namural, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa maksudnya?

**Tuan Ismail bin Arshad:** Berkatalah benar walaupun perkara itu pahit.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong kepada belanjawan yang dibentangkan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bertambah lagi nampaknya daripada senarai yang ada di sini. Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

3.40 ptg.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Rakyat merasa lega kerana Kerajaan berani dengan membuat perubahan yang besar dengan memotong dan mengurangkan cukai-cukai meliputi semua sektor kegiatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentuh berkaitan dengan bank-bank di negara kita ini iaitu cerita Bank Rakyat telah berlalu, Kertas Putih telah kita tatapi bersama di Dewan yang mulia ini dan tindakan telah dan sedang diambil terhadap mereka yang masih belum menjelaskan hutang mereka dengan Bank tersebut. Saya berdiri ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan khususnya kepada Menteri Pertanian yang begitu serius dan teliti bagi memulihkan Bank Rakyat demi menjaga kepentingan saham dan wang petani-petani kita yang miskin terdiri daripada nelayan, pekebun kecil, penanam padi dan sebagainya di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka pula menyentuh kedudukan Bank Buruh Malaysia yang mana pemegang sahamnya terdiri dari buruh-buruh dan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah. Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu bahawa Bank ini mengalami kerugian besar sebanyak \$6.3 juta. Sebagaimana yang telah tersiar di akhbar-akhbar baru-baru ini, salah satu daripada sebabnya mengapa Bank Buruh ini mengalami kerugian yang begitu besar dan teruk ialah keadaannya yang mungkin sama juga dengan yang ada pada Bank Rakyat. Oleh itu, mungkin terdapat penyelewengan di pihak yang diberi tanggungjawab bagi mengawasi Bank tersebut termasuklah Pengarah-pengarahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya nyatakan di sini salah seorang daripada Pengarahnya ialah Ahli Yang Berhormat dari Damansara, Tuan Yang di-Pertua, oleh itu beberapa ketika dahulu Bank Rakyat telah dibangkit-bangkitkan oleh pihak parti Pembangkang di dalam Dewan ini tidak boleh menyebut nama mereka terlibat tetapi oleh kerana panasnya parti Pembangkang khususnya DAP telah menyebut Dato' Harun di Dewan yang mulia ini, tetapi Ahli Yang Berhormat dari Damansara ini mereka tidak mahu bangkit-bangkitkan.

Mereka yang berhutang dengan Bank Buruh ini telah tidak membayar balik hutang mereka yang bertapak. Tuan Yang di-Pertua, yang menyedihkan pihak Bank dan Pengarah-pengarahnya yang diberi tanggungjawab itu turut berdiam diri. Pihak Kerajaan juga belum mengambil apa-apa tindakan terhadap Bank Buruh ini seperti juga dengan Bank Rakyat dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara juga patut mengawasi berkaitan dengan penyelewengan Bank Buruh ini. Kerajaan telah mengambil tindakan terhadap Bank Rakyat demi memelihara hati penyimpan-pemegang wang dan saham dari petani-petani. Maka saya menyeru Kerajaan supaya mengambil perhatian yang serius pula kepada Bank Buruh ini agar wang rakyat yang terdiri daripada buruh-buruh dan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah tidak akan lesap begitu sahaja. Harapan mereka ini akan terbelah.

Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali meminta Kerajaan mengambil tindakan segera dengan mengadakan penyiasatan yang lebih teliti terhadap penyelewengan Bank Buruh itu dan menyelamatkan pemegang-pemegang saham dan penyimpan-pemegang wang di Bank tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham mengapa pihak parti DAP membisu seribu bahasa sahaja dalam perkara ini. Parti DAP mengaku sebagai hero atau juara di dalam menentang penyelewengan dan korupsi serta penindasan, penganiayaan terhadap rakyat miskin. Mengapa demikian, Tuan Yang di-Pertua, adakah disebabkan salah seorang dari Pengarahnya orang DAP—Wakil dari Damansara? Jika inilah sikap DAP dalam tindak-tanduknya, maka teranglah kepada rakyat semua bahawa parti DAP yang mengamalkan dasar double-standard, pendek kata, DAP adalah parti ikut selera sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah difahamkan Bank Negara telah membenarkan State Bank of India mengambil 20% saham Bank Buruh ini. Jika benar, adakah ini bermakna tidak ada pihak-pihak institusi-institusi kewangan bumiputra atau lain-lain institusi di negara kita yang boleh menyertai dalam Bank Buruh ini? Tuan Yang di-Pertua, adakah Bank Buruh ini mengemukakan cadangan penyertaan dalam Bank Buruh kepada institusi kewangan Bumiputra? Sekiranya ada, saya ingin tahu bila?

Saya juga suka mendapat tahu apakah prospek pegawai Eksekutif tempatan yang ada tentang peluang naik pangkat di Bank tersebut. Saya merasa sangsi tentu sahaja State Bank of India akan membawa pegawai Eksekutif untuk mengendalikan Bank Buruh itu. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sekiranya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dapat memberi penjelasan mengenai perkara ini.

Saya menyokong Belanjawan tahun 1980. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

3.46 ptg.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar):** Terlebih dahulu saya ucap terima kasih di atas kebaikan Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk turut berucap dan membahaskan Anggaran Belanjawan tahun 1980 . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih pun 30 minit tidak boleh lebih. (*Ketawa*)

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** . . . . yang telah dibentangkan di dalam Dewan ini beberapa hari yang lalu.

Banyak perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Kerajaan dan juga pihak Pembangkang yang keseluruhannya membayangkan bahawa Belanjawan tahun 1980 ini mengandungi beberapa harapan ke arah kelegaan yang terhad. Apa yang diharapkan bahawa seluruh perbelanjaan bagi mengurus dan juga bagi pembangunan yang berjumlah \$20,724 juta itu hendaklah benar-benar membolehkan Kerajaan memberi perkhidmatan-perkhid-

matan yang lebih baik dan memuaskan kepada rakyat jelata keseluruhannya. Di samping itu pula rakyat keseluruhannya mendapat faedah yang tidak terbatas dari usaha-usaha pembangunan, program-program dan projek-projek yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan juga rancangan-rancangan yang seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun dalam Dewan yang mulia ini kita mendengar seruan yang dibuat oleh pihak Kerajaan. Saya quote: "Strategi Belanjawan ini ialah untuk mendorong pertumbuhan ekonomi dan menaikkan inflasi terutama sekali bagi meringankan kesusahan golongan-golongan yang miskin dan berpendapatan rendah".

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, namun demikian seruan-seruan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan, inflasi tetap mengancam kehidupan rakyat dan kemiskinan tetap menjadi pusaka yang diwarisi oleh golongan bumiputra sahaja. Dasar Ekonomi Baru (DEB) masih menjadi tanda tanya dan kabur-kabur bagi menjadikan yang miskin itu kaya dan yang kaya itu senang. Apa yang ternyata ialah yang kaya bertambah kaya dan yang miskin bertambah merana.

Pelepasan cukai pendapatan perseorangan yang telah dikurniakan oleh Belanjawan tahun ini walaupun diterima dengan rasa berterima kasih oleh golongan-golongan yang tertentu, tetapi ini tidak bererti bahawa rakyat yang miskin, kaum tani dan nelayan, pekebun kecil dan sebagainya turut mendapat kelegaan kerana mereka ini tidak pernah mendapat kesempatan untuk membayar cukai pendapatan kerana pendapatan mereka amatlah kecil. Jadi bagi mereka ini yang penting bagaimanakah mereka boleh mendapat keperluan harian dengan kadar pendapatan harian mereka yang serba terhad itu. Sebagai contoh, kaum tani yang mengusahakan tanaman padi. Harga penjualan padi tidak bertambah sedangkan kos menyediakan dan menyelenggarakan padi bertambah dengan berlipatganda, disogok pula dengan kenaikan harga-harga barang keperluan harian. Maka di manakah lojiknya dapat kita membanggakan bahawa petani-petani telah mencapai satu keadaan hidup yang setaraf dengan golongan-golongan yang lain.

Saya tertarik hati dengan peruntukan \$170 juta untuk berbagai jenis subsidi yang akan membantu petani-petani dan nelayan-nelayan dan juga \$21 juta lagi untuk menyediakan

kemudahan-kemudahan tempat-tempat simpanan dan pengangkutan bagi mengelakkan Kerosakan bahan-bahan keluaran pertanian. Apa yang saya harap bahawa semua wang-wang yang tersebut itu benar-benar dibelanjakan untuk kepentingan golongan-golongan tersebut dan Kerajaan patutlah mengambil daya usaha untuk mengawasi badan-badan yang mengendalikan kepentingan-kepentingan petani-petani dan nelayan-nelayan, kerana kalau tidak, peruntukan yang begitu besar tidak akan mendapat hasil yang saksama dan setimpal dengan kehendak meninggikan taraf hidup petani-petani dan nelayan-nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, LPN, LPP, MAJU-IKAN, MAJUTERNAK, FAMA hendaklah diawasi benar-benar supaya semua agensi-agensi ini dapat memberi perkhidmatan mereka dengan baik dan berkesan dalam erti kata menolong petani-petani dan nelayan-nelayan. LPN dan MAJUTERNAK sebagai badan yang menguruskan pemasaran dan penyimpanan hasil petani-petani dan nelayan-nelayan yang kebetulannya dua jenis ini tidak boleh tahan lama. Padi kalau lebih daripada satu hari tenggelam air, ia masam dan reput. Ikan kalau lebih daripada sehari atau dua hari kalau tidak dibubuh ais betul-betul, ia reput juga, bukan sahaja reput, ia busuk dan harus tidak boleh digunakan. Yang menguruskan berhubung dengan padi ini ialah LPN. Yang menyelenggarakan bersangkut paut dengan ikan ialah MAJU-IKAN. Kedua-dua agensi ini hendaklah bersifat sebagai badan perniagaan, jangan bersifat sebagai satu badan yang tidak berniaga seperti badan Kerajaan yang lain. Badan perniagaan, Tuan Yang di-Pertua, ia tidak kenal cuti dan ia tidak kenal rehat. Jangan sekali-kali berlagak sebagai Pejabat Kerajaan yang mempunyai waktu tertentu untuk mengurus dengan pelanggan-pelanggan. Apa yang berlaku kepada Kompleks LPN khususnya di Negeri Kedah oleh kerana berlagak sebagai Pejabat Kerajaan, kalau tidak silap saya, tadi kita dengar bahawa LPN membeli padi di pintu kilang atau di Kompleks LPN, pukul 4.00 petang tutup, sudah tidak beli padi, walaupun lori 100-200 que untuk menjualkan padi. Besok pukul 8.00 pagi, berapa jam itu, hujan turun,

dia curah habis. Oleh kerana itu rosak padi. Apabila rosak padi, bukan sahaja petani-petani yang rugi, LPN rugi. Apabila LPN rugi, Kerajaan rugi. Apabila Kerajaan rugi, yang menanggung ialah rakyat jelata oleh sebab LPN ini membelanjakan yang ia beli semua itu ialah wang rakyat. Itulah yang saya harap supaya agensi-agensi ini dapat diawasi benar-benar.

Tuan Yang di-Pertua, mengingat kesungguhan Kerajaan untuk menolong petani-petani, saya kadangkala berasa tidak gamak atau tidak sedap hendak sebut dalam Dewan ini. Kalau tidak silap saya Buku Hijau dilancarkan dengan besar-besaran di negeri saya, di Kubang Pasu kawasan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri tahun 1976, sebelum daripada itu ada satu pula pelancaran di Johor dan baharu-baharu ini pula di Kampung Cetuk di Pasir Mas yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Jadi nampaknya bersungguh-sungguh benar Kerajaan kita ini untuk menolong rakyat jelata ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang tak sedap itu apa?

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Yang tidak sedap begini, kemanakah perginya Buku Hijau itu, saya pun tidak tahu. Masa mula-mula dirancangan dahulu ada juga orang-orang tanam kacang panjang, kacang bender, tembikai di sekeliling rumah tetapi sekarang sudah tiada, sudah habis. Yang menjadi masalah satu pelancaran yang telah dilakukan ini berapa perbelanjaannya? Saya dengar cerita ini betul ataupun tidak, belanja untuk menjayakan Geraktani baharu-baharu ini tidak kurang daripada \$80,000. Semua Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, semua saya lihat dalam TV ada di sana. Itu belanja semuanya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau satu pengisytiharan Geraktani dibuat dengan belanja \$300,000, kalau tiga sudah jadi \$1 juta lebih. Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata tempoh hari, kita jangan boros, banyak Kerajaan Negeri yang kaya-kaya oleh kerana borosnya dia jatuh bankruptcy. Ini juga saya berasa termasuk jumlah boros. Jadi janganlah memboros sangat. Tidak padankah untuk mengisytihartiga jenis padi supaya diisytiharkan oleh pegawai-pegawai pertanian? Tiga jenis padi sahaja "Setanjung, Sekembang, Sekinchan". Tiga jenis padi \$800,000 dibelanjakan. Ini membelanjakan wang dengan membazir.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah plancaran itu ada kepentingan yang lain khasnya kepentingan politik, itu bolehlah diterima. Terdahulu dari itu kita telah mengetahui walaupun banyak perkara-perkara yang telah dibuat untuk memperbaiki keadaan kehidupan petani-petani ini tetapi malangnya kedudukan dan kehidupan petani-petani tidak juga berubah, tetap kais pagi makan pagi bahkan ada yang kais pagi makan petang, dia makan malam. Kerajaan yang menggelarkan dirinya sebagai Kerajaan yang berjiwa rakyat hendaklah menjauhkan diri daripada bersikap anti-rakyat sebagaimana yang sedang berlaku sekarang ini khasnya di kawasan-kawasan luar bandar.

Penyusunan semula Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung misalnya, Tuan Yang di-Pertua, telah mengenepikan sebahagian rakyat dari turut bersama di dalam usaha-usaha Kerajaan membangunkan masyarakat yang progresif dan bertanggungjawab dalam bidang pembangunan luar bandar. Dengan itu juga masyarakat telah menjadi kucar-kacir dan mengakibatkan perpecahan umat di luar bandar semakin hari semakin bertambah ketara sekali. Projek pembangunan kampung yang ditujukan untuk hendak memberikan orang-orang kampung ini berselera duduk di rumah-rumah; jadi projek-projek ini pun, Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak sampai ke mana-mana. Apa yang saya baca di dalam suratkhobar, orang miskin rumahnya hendak roboh, tetapi rumahnya tidak dapat bantuan, yang dapatnya ialah rumah yang baik-baik, kerana kebetulannya dia itu ketua-ketua parti, tetapi bukan parti Pembangkang, Tuan Yang di-Pertua, tetapi parti Kerajaan! Ini tidak bagus, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak membangunkan kampung, bangunlah tengok-tengok mana yang patut diberi, patut diubah, patut dibangunkan ataupun ditolong, tolonglah, tidak payah dikira parti sangat. Jadi masalah luar bandar ini adalah sensitif sedikit. Jadi yang saya bimbangkan kita belanjakan beratus-ratus, ribu-ribu dan berjuta-juta ringgit tetapi matlamat Kerajaan untuk membangunkan dan memperbaiki taraf orang-orang kampung ini tidak dapat kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan rancangan pembesaran, memperbaiki dan memodenkan pasukan keselamatan kita. Ini adalah satu-satunya jalan dan cara untuk menyelamatkan kedaulatan dan kemerdekaan kita yang kita anggap adalah suci dan yang semestinya kita pertahankan dengan jiwa

raga kita, lebih-lebih lagi kedudukan politik dunia di masa ini dalam keadaan yang tidak dapat kita berpegang dan berkeyakinan.

Ancaman musuh dari luar dan dalam sentiasa mencari kesempatan untuk memusnahkan kita. Kerajaan China Komunis masih memberi sokongan dan mengiktiraf perjuangan Parti Komunis di Malaysia ini dan pergerakan komunis di negara-negara jiran bertambah kuat dan menggerunkan keadaan politik di rantau ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, ketahanan physical dan spiritual mestilah diambil perhitungan yang serius oleh Kerajaan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Dasar luar negeri mestilah tidak menjadi satu-satu sebab yang boleh mendorongkan permusuhan yang terus yang akan menjadi satu ancaman yang mendendami terhadap negara kita. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan Kerajaan menyebelahi Kerajaan Pol Pot di Vietnam, di Havana beberapa ketika yang lalu, sudah tentu mendorong Kerajaan Kemboja yang berkuasa sekarang ini mendendami negara kita yang menanti satu masa untuk melakukan ancaman terhadap keselamatan kita.

Dasar berkecuali mestilah benar-benar berkecuali, jangan berkecuali mengikut telunjuk orang-orang lain yang ingin kita turut musnah kerana mereka itu juga adalah musuh kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara yang serba unik ini yang penduduknya terdiri dari berbagai bangsa dan ugama, adat dan resam tentu sekali tidak sunyi dari perasaan ketiadaan puas hati dan iri hati di antara satu sama lain. Yang ini lambat laun akan mencetuskan satu suasana yang tegang dan tidak stabil. Sejauh manakah dapat ditoleransikan di antara bangsa-bangsa yang ada di dalam negeri ini? Ada yang mentakrifkan semalam saya dengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong supaya toleransi ugama mesti dipraktikkan untuk menyatu-padukan kaum di dalam negara kita ini. Tetapi jangan lupa, Tuan Yang di-Pertua, dengan mendirikan satu patung "Kuan Yin" di Pulau Pinang yang melangit itu menyentuh nurani dan hati orang-orang Islam. Dan ini tidak boleh dibenarkan kerana ini akan membawakan satu perasaan yang menjadi iri hati.

Tuan Yang di-Pertua, keadilan secara tabii, bermakna keadilan secara ciptaan Tuhan, tidak dipedulikan. Yang pentingnya, untuk menyatu-padukan rakyat di dalam negeri ini walaupun berbagai bangsa dan agama, keadilan mesti diutamakan. Keadilan secara yang dicipta oleh Tuhan, bukan keadilan sebagaimana yang diciptakan oleh manusia?

Saya berpendapat segala-gala usaha untuk mencapai perpaduan national, keseimbangan ekonomi, keadilan sosial dan kemakmuran bersama akan tinggal menjadi angan-angan semata-mata. Kalau kita tidak memegang bahawa prinsip memberi keadilan ciptaan Tuhan ini tidak kita lakukan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk memperbaiki kepincangan yang ada di dalam dunia kita ini perlulah kita kembali kepada aturan dan peraturan yang telah diciptakan oleh orang yang menjadikan alam ini; dicipta oleh Tuhan. Kalau cari tidak jumpa, carilah dalam Quran dan Hadis.

Untuk mencapai tujuan yang maha besar ini dan maha penting ini dalam konteks keselamatan negara di luar dan dalam dan penyatuan ummah yang berkekalan abadi supaya dapat kita warisi kemakmuran dan kesejahteraan yang kita perolehi dengan usaha-usaha dan pemberian Allah kepada negara kita ini. Saya mengesyorkan supaya ditubuhkan segera sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada pakar perundangan, yang mengandungi pakar perundangan Islam, dan pakar dalam sistem perundangan yang lain dengan tujuan mengkaji, menyusun dan mengemukakan cadangan-cadangan kepada Kerajaan dan Dewan ini bagi mencapai tujuan yang tersebut moga-moga dengan itu dapatlah kita menjaga kepentingan-kepentingan yang menjadi hak ataupun menjadi cita-cita keseluruhan rakyat di dalam negeri kita ini.

Oleh kerana banyak lagi rakan-rakan hendak bercakap, Tuan Yang di-Pertua, jadi biarlah saya berhenti buat sementara ini, beri peluang kepada rakan-rakan saya kerana banyak mereka hendak bercakap, time sudah tidak ada. Jadi, saya ucapkan terima kasih.

4.10 ptg.

**Tuan Awang bin Jabar (Dungun):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Menteri Kewangan pada 18hb Oktober yang lepas.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan mana-mana juga pegawai yang terlibat dengan kerja-kerja untuk menyediakan Belanjawan 1980 yang disifatkan sebagai istimewa yang diberi sambutan baik oleh seluruh rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menurut secara terperinci segala butiran yang terdapat di dalam Belanjawan 1980 itu ianya memanglah istimewa kerana ianya sama ada secara langsung atau tidak melibatkan semua lapisan rakyat sama ada yang makan gaji atau petani, sama ada yang menjadi taukeh atau kuli. Ini jelas terbukti, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kenaikan perlepasan cukai pendapatan dan juga langkah menurunkan duti eksais ke atas teksi, kereta sewa, mengurangkan cukai jalan teksi dan kereta sewa, mengurangkan cukai enjin bas dan berbagai-bagai lagi. Lebih istimewa lagi apabila dikaitkan Belanjawan 1980 ini dengan Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru. Belanjawan 1980 adalah yang akhir bagi Rancangan Malaysia Ketiga dan Belanjawan persediaan bagi menyambut Rancangan Malaysia Keempat yang akan bermula pada tahun 1981. Ini bermakna segala contoh, tauladan, pengalaman-pengalaman pahit, manis sepanjang lima tahun Rancangan Malaysia Ketiga adalah akan dijadikan asas bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai DEB (Dasar Ekonomi Baru) yang mempunyai matlamat serampang dua mata untuk membasmi kemiskinan dan membaiki semula infrastruktur mesyuarat ianya adalah sudah berjalan dengan baik dan dengan lancar. Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua DEB, dengan matlamatnya yang begitu baik, dengan matlamat suci murni dianggap oleh setengah-setengah golongan, oleh setengah-setengah pihak bahawa dasar ataupun konsep DEB ini adalah terkeluar daripada dasar ataupun prinsip Islam. Ini terbukti baharu-baharu ini di Malaysia Hall di London salah seorang daripada pemimpin badan dakwah di negara kita ini telah membuat kenyataan bahawa DEB dan konsepnya adalah terkeluar daripada prinsip Islam. Jadi, tuduhan-tuduhan yang seperti ini, adalah amat menyayat hati sanubari orang-orang Melayu dan umat-umat Islam di negara ini, lebih-lebih lagi, penglibatan bumiputra dengan DEB ini adalah secara total atau secara penuh dan

secara bersungguh-sungguh. Jadi, barangkali sedikit-sedikit ada kebenaran di atas tuduhan-tuduhan yang mereka lakukan itu. Tuduhan-tuduhan mereka itu boleh kita sifatkan sebagai pada pelaksanaan, bukan pada prinsip dan dasar DEB yang bertentangan kerana kalau kita perinci rata-rata barangkali ada tempat-tempat, ada lubang-lubang yang boleh membenarkan tuduhan-tuduhan mereka, tempat-tempat pelaksanaan seperti yang didakwa itu. Untuk membersihkan, untuk menutup segala lubang-lubang yang boleh dilemparkan sebarang tuduhan ke atas prinsip Dasar Ekonomi Baru yang suci ini, maka saya mengesyorkan supaya setiap pelaksanaan daripada prinsip ataupun dasar DEB ini hendaklah dijalankan selaras dan selari dengan prinsip keislaman.

Untuk itu, saya mengesyorkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya pihak Kerajaan segera menubuhkan sebuah badan penasihat ugama negara. Badan penasihat ugama negara ini mestilah berfungsi dengan bidang tugas menasihati para Menteri dalam melaksana dan merancang polisi-polisi negara yang bersabit dan berhubung dengan DEB.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah bermakna saya menafikan bahawa di negara kita ini ada badan-badan keagamaan seperti Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam, tetapi fungsi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam dalam hal ini amatlah tidak meyakinkan kita, tidak menyakinkan maksud saya ialah Majlis ini ada diberi tugas-tugas yang tertentu, berlainan dengan badan penasihat ugama negara yang saya cadangkan baharu sekejap yang berfungsi, maksud saya dia ini di atas daripada para Menteri Kabinet bukan dalam erti kuasanya, tetapi di atas dalam ertikata boleh memberi nasihat dalam masalah-masalah pelaksanaan dan perancangan biarlah selari dasar keislaman yang menjadi ugama rasmi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan matlamat DEB iaitu untuk membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat ini juga Kerajaan telah merancang satu dasar pembangunan wilayah. Hasil daripada dasar ini lahirlah rancangan-rancangan pembangunan wilayah seperti DARA, KEJORA, KETENGAH dan ada lagi yang lain-lain.

Tujuan daripada pembangunan wilayah ini, Tuan yang di-Pertua, antara lain sebagai mana yang tersirat dan tersurat di dalam buku-buku yang berkaitan dengannya:

Pertama, adalah untuk menggalakkan penubuhan perusahaan besar-besaran di dalam bidang pertanian, perhutanan, perindustrian dan perbandaran yang akan dapat mengadakan peluang-peluang pekerjaan, terutama kepada bumiputra di semua peringkat.

Kedua, mengurangkan jurang perbezaan di antara kawasan yang kaya dan miskin di negara ini dengan menghasilkan sekurang-kurangnya taraf purata kebangsaan dan menggalakkan penghijrahan penduduk daripada sektor-sektor miskin.

Ketiga, mengadakan peluang bagi meninggikan kemahiran bagi rakyat Malaysia, khasnya bumiputra.

Keempat, menggalakkan penubuhan aktiviti-aktiviti perkilangan dan perkhidmatan yang tidak bergantung kepada hasil bumi untuk jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, dasar pembangunan wilayah ini adalah meliputi banyak aspek. Ianya meliputi aspek-aspek pentadbiran, pertanian, perhutanan, perlombongan, pelaburan, perumahan dan perbandaran, mungkin banyak lagi aspek-aspek yang lain.

Dalam masalah perbandaran umpamanya, pembangunan wilayah telah banyak melahirkan bandar-bandar besar, bandar-bandar baru. Dalam DARA umpamanya, sekurangnya 12 buah bandar termasuk Chini, Ibam dan lain-lain. KETENGAH umpamanya lahir Durian Mas, Rasau-Kerteh, Chenih, Bukit Besi dan Ulu Chukai. Jadi pembangunan wilayah ini telah menimbulkan kesannya yang tersendiri.

Dua kesan besar yang saya nampak ialah satunya "split effect". Ini terbukti umpamanya hingga akhir tahun ini sekurang-kurangnya 15,080 orang akan berhijrah ke bandar-bandar besar, ke bandar-bandar baru dalam KETENGAH, iaitu di Durian Mas seramai 6,110 orang, Rasau-Kerteh 3,763 orang, Chenih 743 orang, Bukit Besi 1,900 orang dan Ulu Chukai 355 orang.

Kesan yang kedua ialah "backwash effect." Backwash effect ini ialah hasil daripada berhijrahnya orang-orang yang hendak memenuhi bandar-bandar baru ini maka bandar-bandar lama akan ditinggalkan. Dungun umpamanya terlibat secara langsung dengan

backwash effect hasil daripada terbukanya bandar-bandar baru di dalam Trengganu Tengah tadi.

Jadi untuk mengatasi perkara ini saya mengesyorkan supaya Kerajaan mencari jalan untuk menghidupkan semula bandar-bandar yang ditinggalkan itu dengan mengadakan industri-industri kecil, sederhana ataupun kalau mungkin industri-industri besar yang berasaskan kepada natural resources, kepada sumber-sumber alam semula jadi yang terdapat di bandar-bandar yang ditinggalkan itu. Dengan cara ini bandar ini akan hidup dan berdenyut sama seperti bandar-bandar baru yang ada terlibat dengan pembukaan pembangunan wilayah yang saya sebutkan tadi.

Syor yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi perkara tadi ialah satu kajian ke atas semua bandar-bandar lama yang terlibat mestilah diadakan segera dan selepas kajian itu dibuat hendaklah juga diadakan rancangan-rancangan yang tertentu untuk menghidupkan semula bandar-bandar itu.

Kesan-kesan lain, Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada pembangunan wilayah ini ialah apabila ladang-ladang terbuka dengan besar di dalam pembangunan wilayah, kita jangan lupa bahawa di dalam kawasan pembangunan wilayah itu sendiri, KETENGAH umpamanya, sebelum rancangan ini diwujudkan orang-orang bumiputra khususnya sudah sedia ada di situ, sudah beranak-piaak, sudah hidup lama di situ. Jadi apabila dilaksanakan rancangan ini oleh sebab semua tanah-tanah yang dimasukkan ke dalam pembangunan wilayah ini menjadi hakmilik satu-satu badan itu maka orang-orang ini tidak berhak untuk memohon tanah-tanah walaupun tanah-tanah reja untuk menjadikan kampung mereka ataupun untuk menjadikan tapak pertanian mereka bagi mencari sara hidup mereka. Oleh yang demikian, saya juga mengesyorkan supaya tanah-tanah reja, tanah-tanah yang bidangnya kecil hendaklah diluluskan kepada penduduk-penduduk asal dalam kawasan yang berkenaan bagi maksud pertanian dan perkampungan.

Tuan Yang di-Pertua, terlibat juga dengan DEB ini ialah cara-cara pengoditan (audit) kerana apabila perlaksanaan pembangunan wilayah ini terbuka banyakkah kompeni-kompeni, syarikat-syarikat yang participate, yang mengambil bahagian di dalam pem-

bukaan tanah dan berbagai-bagai lagi. Jadi kompeni-kompeni ini dipastikan memakai Juru Odit yang berlesen dan yang berdaftar. Di saat-saat yang akhir ini kita terbaca barangkali di akhbar-akhbar ada rungutan-rungutan daripada pihak Juru-juru Odit yang sudah diberi lesen tetapi lesennya matj tidak dapat menyambung semula lesen pengoditannya. Sebabnya, kerana mereka tidak boleh didaftarkan sebagai public accountants yang terpaksa melalui proses; mendaftarnya ialah terpaksa melalui Malaysian Institute of Accountants (MIA), walaupun menurut Akta Kompeni, 1965 ceraian 8, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua: "Any person may apply to the Minister charged with responsibility for finance to be approved as a company auditor for the purpose of this Act." Walaupun begitu, bila kita melihat Accountant Act, 1967 ceraian 22, ianya mesti didaftarkan sebagai public accountant melalui MIA. Oleh sebab MIA dikatakan tidak berjalan lancar sehingga permohonan-permohonan untuk didaftarkan itu banyak, maka sudah pasti barangkali firma-firma akauntan tidak dapat berjalan dengan baik. Akibat daripada ini dua kemungkinan boleh timbul. Yang pertama, firma-firma akauntan ini yang tidak dapat didaftarkan itu mungkin akan tutup.

Kemungkinan yang kedua, firma-firma ini akan berjalan dengan secara haram (illegal). Kedua-dua kemungkinan ini adalah akan menjejaskan nama baik Kerajaan, akan menampakkan ketidakwibawaannya Kerajaan. Jadi oleh sebab itu, saya mengesyorkan ataupun saya mencadangkan supaya Kerajaan hendaklah mencari jalan bagi mengatasi perkara ini dengan segera dan saya menyeru kepada pihak MIA umpamanya supaya bergerak cergas untuk memproses permohonan bagi menjadi ahli kepada firma-firma akauntan tadi sesuai dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga, saya ingin menyentuh mengenai perbelanjaan yang telah diperuntukkan kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di dalam Belanjawan 1980 nanti. Satu jumlah besar telahpun diperuntukkan kepada Kementerian ini untuk belanja-belanja mengurus dan belanja pembangunan. Dengan peruntukan yang telah diberi itu insya-Allah barangkali Kementerian yang berkenaan akan dapat melebihi lagi usahanya dalam memberi perkhidmatan khususnya mengadakan bekalan api di seluruh negara kita ini.

Tentang bekalan api di seluruh negara kita ini pada tahun-tahun hingga yang kebelakangan dan hingga ke saat sekarang ini kita bolehlah memberi pahala yang setinggi-tinggi kepada Kementerian ini dengan menjalankan usaha-usaha sehingga di masa-masa yang akhir ini mengadakan satu yunit khusus untuk perbekalan api luar bandar. Dengan langkah ini maka banyaklah kampung-kampung di pedalaman sekarang ini mendapat bekalan api dengan cara baik.

Baru-baru ini juga Kementerian ini, pihak L.L.N. umpamanya telah memperkenalkan satu cara baru dalam tarif di mana kalau sebelum daripada tarif baru ini diwujudkan sekurang-kurangnya ada 18 jenis cara bayaran api dan setelah tarif baru ini diperkenalkan 18 jenis bayaran ini dimasukkan ke dalam tujuh jenis bayaran sahaja. Jadi apa yang saya hendak sebut di sini banyak jenis-jenis ini iaitu domestic, low voltage commercial, high voltage commercial, low voltage industrial, high voltage industrial, mining dan public lighting. Ini jenis-jenisnya. Tetapi yang saya hendak sentuh sedikit iaitu tentang low voltage commercial. Yang saya hendak sentuh bekalan-bekalan kepada perniagaan voltan rendah ini untuk 400 yunit yang pertama dibayar 18 sen tetapi dikenakan bayaran minimum bulannya ialah \$6.00. Yang saya hendak sentuh ialah ini dimasukkan juga tentang perbekalan api yang ada di masjid-masjid dan surau-sarau di seluruh negara ini sedangkan yang pertama yang saya hendak sentuh yang saya nampak boleh diperbaiki, pertama sekali masjid-masjid dan surau-sarau ini bukan commercial, dia tidak berniaga, tidak ada apa yang hendak diperniagakan pun di masjid-masjid dan di surau-sarau.

Di masjid-masjid dan di surau-sarau itu ialah untuk berbuat ibadat, orang sembahyang, orang membaca Quran dan sebagainya. Jadi tidak ada keuntungan yang dapat daripada perbekalan api itu. Jadi rasanya pula masjid-masjid dan surau-sarau ini, khususnya surau biasanya menggunakan api daripada pukul 6.30 sampai pukul 8.30 itu sahaja yang minimum bayaran bulannya kadang-kadang \$2.00 atau \$3.00 sahaja itu yang paling tinggi. Jadi amatlah tidak kena saya rasa kalau perbekalan masjid-masjid dan surau-sarau ini dimasukkan ke dalam kategori tarif baru B, dengan izin: low voltage commercial dengan minimum bayaran bulanan \$6.00. Jadi saya mengesyorkan supaya

pihak L.L.N. mengkaji semula tentang bayaran perbekalan api ke masjid-masjid dan surau-sarau di seluruh negara ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong dan mengucapkan terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah,

4.36 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ikut serta mengalu-alukan Belanjawan yang dianggapkan bukan sahaja oleh penyokong-penyokong Kerajaan di Dewan yang mulia ini sebagai satu Belanjawan yang baik, melegakan tetapi juga kita dapat sanjungan daripada pihak-pihak Pembangkang dan tidak syak lagi kalau kita melihat daripada mass-media kita dapati rata-rata rakyat mengatakan bahawa ini merupakan satu Belanjawan yang melegakan dan Belanjawan ini buat pertama kalinya dapat dianggapkan sebagai satu Belanjawan yang radical kerana buat pertama kalinya dalam sejarah Belanjawan negara sekarang ini Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah mengisytiharkan potongan-potongan cukai yang dapat dianggapkan sebagai besar dan di samping itu tidak ada tokokan ataupun cara pihak Yang Berhormat Mulia Menteri untuk mengenakan cukai-cukai di bahagian-bahagian yang lain yang dapat menimbus kekurangan-kekurangan yang saya sebutkan tadi. Inilah Tuan Yang di-Pertua, saya sifatkan sebagai satu Belanjawan yang radical.

Selalunya kita dapati kalau sekiranya pihak Kerajaan mengumumkan penarikan setengah-setengah cukai maka akan dikenakan pula cukai-cukai di bahagian yang lain. Walau bagaimanapun tidak adil kalau saya mengatakan tidak ada langsung cukai-cukai baru dikenakan hasil daripada Budget kali ini. Misalnya kita dapati hasil daripada Budget kali ini cukai baru telah dikenakan kepada kereta-kereta yang berenjin diesel bagi orang-orang persendirian. Ini walaupun ditambah daripada empat kali ganda berbanding dengan enjin petrol kepada lima kali ganda, tetapi ini pada anggapan saya hanya membawa hasil tidak lebih daripada \$2 juta. Jadi kalau dibandingkan \$2 juta yang didapati dengan beratus-ratus juta ringgit yang ditarik kembali atau ditarik semula oleh

pihak Kerajaan, maka \$2 juta itu tidak bermakna langsung. Jadi seperti mana saya katakan tadi nampaknya daripada nada pihak Pembangkang pada tahun ini kita tidak dapati banyak bingkangan-bingkangan terhadap Budget keseluruhannya pada tahun ini. Tetapi walau bagaimanapun oleh sebab tidak adil bagi pihak Pembangkang kalau bangun lantas memuji segala apa yang dibuat oleh Kerajaan terutama sekali Belanjawan yang merupakan sebagai satu dasar pembangunan Kerajaan bagi tahun yang akan datang. Maka itulah sebabnya sekali sekala terdengar kepada kita bingkangan-bingkangan ataupun kritik-kritik yang saya insya-Allah akan cuba sentuh tentang satu dua perkara sahaja.

Yang Berhormat dari Baling di antara lain telah menyentuh iaitu beliau mengatakan, saya quote—dengan izin:

“Belanjawan ini telah dijadikan modal politik yang besar untuk menaikkan imej Yang Berhormat Menteri Kewangan walaupun Belanjawan ini mengandungi beberapa perubahan yang menggalakkan . . . .”

Saya tidak pasti, Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dimaksudkan menaikkan imej Yang Berhormat Menteri Kewangan. Kalau yang dimaksudkan menaikkan imej Yang Berhormat Menteri Kewangan ini sebagai satu hasil yang tidak langsung akibat daripada Budget yang baik, Budget yang melegakan rakyat, Budget yang bertimbang rasa kepada rakyat atau khususnya Budget untuk rakyat, maka saya dapat menerima hakikat ini. Tetapi kalau sekiranya ini dimaksudkan sebagai satu cara untuk mencari publisiti atau untuk menaikkan nama Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri, maka saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak betul kerana sama ada seseorang itu memikirkan soal imej ataupun sebagainya maka ini merupakan sebagai satu tanggungjawab kepada Kerajaan yang memerintah, sebagai satu tanggungjawab kepada Menteri Kewangan untuk membawa ke Dewan ini satu Budget yang pertama sekali fikirkan soal kelegaan dan kebaikan rakyat jelata dan kalau secara kebetulan, Belanjawan yang dibawa pada tahun ini adalah satu Belanjawan yang lebih mementingkan rakyat, Belanjawan yang sesuai dengan hasrat Kerajaan yang berjiwa rakyat, Belanjawan yang lebih mementingkan orang-

orang, kalau sekiranya berpendapatan tidak lebih daripada \$700 sebulan dan mempunyai dua orang anak dan seorang isteri, mereka itu tidak payah membayar cukai pendapatan. Kalau kita kira dengan kadar pelepasan cukai yang baru diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan kalau ini menjadi satu perkara yang disukai oleh rakyat dan kalau ini menjadi satu perkara yang diterima oleh rakyat, maka ini adalah satu perkara yang patut juga disanjung oleh pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek lagi beliau telah mengatakan bahawa kita telah mendapat atau bernasib baik kerana hasil sekarang ini adalah bertambah disebabkan hasil daripada minyak. Dan beliau mengatakan ini bukannya kerana atas kebijaksanaan Menteri Kewangan. Kita tidak menafikan bahawa Menteri Kewangan bukannya begitu bijak sehingga dapat mencipta minyak, Menteri Kewangan tentu tidak begitu agung sehingga dapat mengeluarkan minyak daripada tempat yang tidak ada minyak langsung. Yang kita persoalkan di sini, ialah bagaimanakah cara sesebuah Kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri untuk mengendalikan hasil-hasil yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. ini untuk dijadikan sebagai bahan untuk menolong rakyat. Itu yang kita pertingkatkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak patut dipersoalkan di sini tetapi walau bagaimanapun soal ini telah dikemukakan di sini rasa saya oleh sebab tidak berapa banyak soal-soal yang lain yang boleh dikemukakan kerana seperti mana kita dapati kalau diperhatikan dengan betul-betul Budget ini tidak banyak tempat yang boleh dikritik dan tidak banyak tempat yang boleh dicelah.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh soal apa yang disebutkan oleh wakil dari Jelutong. Beliau semalam menyentuh mengenai penggunaan bahasa. Beliau telah menyentuh atau mengkritik adanya cadangan daripada sebuah Bahagian Pemuda UMNO Negeri Perak yang mengusulkan supaya Bahasa Malaysia dijadikan bahasa di mahkamah. Saya ingin bertanya, apakah kurangnya kalau sekiranya kita mengusulkan bahawa Bahasa Malaysia itu dijadikan bahasa di mahkamah, kerana kita memandangkan bahawa Bahasa Malaysia

adalah merupakan bahasa kebangsaan yang rasmi dan tunggal di negara ini. Kalau sekiranya kita dapat memulakan penggunaan Bahasa Malaysia di semua peringkat dan insya Allah mulai daripada tahun 1983 Bahasa Malaysia ini akan dijadikan pula sebagai bahasa penghantar dalam semua peringkat pengajian tinggi di universiti-universiti tempatan. Jadi kalau sekiranya di universiti-universiti tempatan dapat kita gunakan Bahasa Malaysia maka tidak ada sebab saya rasa Bahasa Malaysia tidak dapat dipergunakan di mahkamah-mahkamah. Dan saya rasa saya bukanlah seorang yang pakar dalam undang-undang tetapi perkara yang penting dalam mahkamah itu ialah soal sama ada masalah keadilan itu dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Kalau sekiranya kita dapati masalah keadilan dapat dijalankan dengan sepenuhnya melalui penggunaan Bahasa Malaysia, boleh kita jalankan. Cuma saya ingin bertanya satu soalan kepada orang yang berkenaan, apakah tidak terfikir oleh kita, Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa nanti semua buku-buku dapat diadakan dalam Bahasa Malaysia, semua undang-undang dapat diadakan dalam Bahasa Malaysia dan apa salahnya kalau sekiranya 20 tahun dahulu ramai orang mengatakan tidak mungkin Bahasa Malaysia boleh dijadikan sebagai bahasa rasmi yang tunggal dan bahasa perantaraan dalam semua peringkat di negara ini dan hari ini telah menjadi kenyataan dan tidak mungkin perkara ini dapat kita teruskan juga di Mahkamah-mahkamah Tinggi sama ada di Mahkamah Persekutuan ataupun di mahkamah-mahkamah yang lain.

Saya hendak beri satu contoh lagi, kalau sekiranya kita mengingatkan Mahkamah Kadhi di peringkat-peringkat negeri atau di peringkat daerah itu dapat dijalankan sejak dahulu lagi di dalam Bahasa Malaysia, dahulu dikatakan bahasa Melayu dan tidak kurang jua mereka itu dihukum, walhal kalau hendak dikira, mengapa tidak digunakan bahasa Arab kalau hendak dibandingkan dengan mahkamah-mahkamah yang ada hari ini yang kita agung-agungkan dengan penggunaan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya ingin menyentuh mengenai pelajaran. Saya dapati pelajaran merupakan sebagai satu perkara yang penting dan banyak peruntukan telah dikeluarkan bagi Kementerian Pelajaran. Saya ingin mencadangkan supaya

pelajaran terutama sekali pentadbiran pelajaran di peringkat negeri disusun semula. Yang pertama sekali, saya rasa dari segi pentadbiran pelajaran, kita memerlukan sekurang-kurangnya dua orang Timbalan Pengarah Pelajaran peringkat Negeri; seorang Timbalan Pengarah Pelajaran hendaklah digunakan dari segi akademik, dan seorang lagi digunakan untuk perkara-perkara pentadbiran selain daripada akademik.

Saya dapati kalau kita ada mempunyai dua cabang ini maka banyak perkara yang boleh kita buat dan misalnya daripada cabang-cabang ini kita dapati Pejabat Pelajaran di tiap-tiap Negeri boleh mengadakan yunit perancangannya sendiri, misalnya seperti mana yang didapati di peringkat kebangsaan dengan yunit EPRD atau BPPP dan juga Pusat Kurikulum, dan selain daripada itu mungkin juga dengan adanya sistem yang baru ini banyak perkara yang terdapat kelemahan di sekolah-sekolah di peringkat bawah dapat diawasi dengan betul.

Misalnya saya dapati yang masih lagi menjadi masalah pada hari ini ramai murid-murid di sekolah rendah yang tidak dapat membaca, menulis dan mengira yakni jahil dalam Kaedah 3R atau 3M. Jadi saya menyeru supaya diadakan satu cara yang lain dari segi pentadbiran sekolah-sekolah rendah ini supaya murid-murid yang tidak dapat membaca, menulis dan mengira itu hendaklah dikesan mulai daripada Darjah 4 lagi supaya mereka dapat diberi pertolongan yang tertentu dan pertolongan itu hendaklah juga disesuaikan dengan keadaan murid-murid tersebut. Dan yang lebih penting lagi saya rasa sudah sampai masanya kita sendiri menerima hakikat bahawa anak-anak kita di Darjah 1, 2 dan 3 ini terlalu banyak disogokkan dengan matapelajaran sehinggakan mereka tidak dapat dan tidak mampu untuk menelan semuanya, akibat daripada itu, mereka itu tidak dapat menguasai 3M yakni menulis, membaca dan mengira. Jadi sudah sampai masanya Pusat Kurikulum di Kementerian Pelajaran. Kuala Lumpur memikirkan supaya seluruh struktur, atau set-up susunan matapelajaran dari Darjah 1-3 ini hendaklah diorientasikan sesuai untuk satu matlamat supaya setiap anak-anak kita setelah meningkat ke Darjah 4 mereka ini sekurang-kurangnya boleh membaca, menulis dan mengira, dan seterusnya, saya dapati kekurangan sangat masalah perpustakaan di sekolah-sekolah rendah.

Kita tidak nafikan bahawa di setiap negeri pihak Jabatan Pelajaran mengadakan Persepatuan Perpustakaan, tetapi persepatuan perpustakaan ini hanya untuk guru-guru menjadi ahli. Sejauh manakah kesannya kepada murid di sekolah-sekolah, ini masih lagi tanda tanya, terutama sekali sekolah-sekolah rendah di luar bandar di mana segala kelengkapan, kemudahan apatah lagi buku-buku dan guru-guru yang berkelayakan di bidang perpustakaan tidak begitu memuaskan lagi.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati juga bahawa kita patut melihat dari segi pemberian guru-guru ke sekolah. Dari segi guru-guru ke sekolah, saya dapati quota guru-guru yang diberi ke sekolah-sekolah ini adalah tidak memuaskan. Misalnya bagi sekolah rendah 1.2 didaraffkan dengan darjah dan ini saya rasa patut dipertimbangkan. Saya percaya hasil daripada Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran ini, perkara ini mungkin akan kita dapati hasilnya kelak. Tetapi sebelum kita dapat mendengar hasilnya, saya ingin meminta supaya Menteri Pelajaran atau Kementerian Pelajaran supaya memikirkan bukan sahaja masalah 1.2 quota guru-guru itu tidak mencukupi tetapi juga hendaklah diambil perhitongan guru-guru yang terlibat secara langsung dan aktif dalam gerakan sukan. Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri atau kebangsaan. Selalunya guru-guru ini dimasukkan juga dalam quota tersebut, walhal kadang-kadang tidak sampai sesukupun masa guru-guru ini berada di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah sampai masanya orang-orang yang terlibat secara langsung dengan gerakan luar darjah ataupun aktiviti luar darjah ini terutama sekali aktiviti yang ada kaitan dengan Kementerian atau Jabatan Pelajaran Negeri, mereka ini hendaklah dilepaskan daripada tanggungjawab yang penting di sekolah-sekolah. Saya pernah menemui terutama sekali kita dapati sekolah-sekolah menengah walaupun guru-guru besar cuba hendak menggantikan guru-guru yang terpaksa keluar sekolah kerana menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang tertentu yang berkaitan dengan Majlis Sukan Sekolah-sekolah, tetapi guru-guru besar ini tidak beraya untuk menggantikan guru-guru tersebut kerana kalau di peringkat sekolah menengah terutama sekali menengah atas, Tingkatan IV

sampai VI, guru-guru ini kebanyakannya adalah specialise, jadi susah hendak meminta Guru-guru Sains mengajar Ilmu Alam ataupun Guru-guru Sejarah mengajar Ilmu Hisab dan seterusnya.

Jadi hasilnya guru-guru ini adalah satu beban pula kepada sekolah-sekolah. Hakikat ini selalunya terkena terutama sekali dalam sekolah-sekolah menengah, kalau sekolah ini menjadi premier school, sekolah yang utama bagi sesebuah district. Di situlah letaknya Pengerusi Cawangan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Daerah, disitulah letaknya Ketua Jurulatih, di situlah letaknya Setiausaha dan segala-galanya di situ kerana sekolah itu secara kebetulan mempunyai kelengkapan atau kemudahan, sama ada dari segi kemudahan kakitangan ataupun kemudahan-kemudahan lain yang mencukupi. Jadi saya rasa sudah sampai masanya kita membuat satu perhitongan yang tegas yang mana kita pentingkan, adakah kita pentingkan soal sukan di sekolah-sekolah atau kita pentingkan soal akademik di sekolah-sekolah. Kalau kita mementingkan kedua-duanya yang mana saya harap kita pentingkan kedua-duanya sekali, tetapi hendaklah diutamakan sedikit soal akademik maka hendaklah kita cari jalan supaya orang-orang yang terlibat dengan sukan ini, kalau perlu tidak daripada guru pun, patut diadakan.

Seterusnya, saya juga hendak menyentuh masalah guru-guru yang rasa saya patut diperhatikan oleh Kerajaan pada keseluruhannya dan bukan daripada pihak Kementerian Pelajaran. Saya membawa contoh, alhamdulillah dengan adanya exercise baru menaikkan pangkat guru-guru besar seramai 2,500 orang lebih guru-guru telah terlibat. Tetapi di samping itu kita dapati satu aspek dalam masalah pergurusan ini. Saya mengambil satu contoh di mana kalau seorang itu mulai mengajar tahun 1967, hanya mulai tahun ini beliau sendiri baru hendak mengecap acting Superscale "D" iaitu 12 tahun kemudian, tetapi kalau sekiranya guru tersebut pada tahun 1967 mulai mengajar Tingkatan Lower Six atau Upper Six maka muridnya pada hari ini telahpun acting Superscale "D" iaitu 6-7 tahun kemudian setelah muridnya keluar daripada universiti tahun 1972, ataupun sekurang-kurangnya muridnya itu telahpun dapat pangkat SAQ. Ini adalah satu perkara, saya rasa semua patut memberi perhatian yang serious.

Saya tidak hendak menyalahkan mana-mana pihak sekalipun oleh sebab di negara kita ini kita mempunyai sistem atau s'fir-s'fir yang tertentu tetapi dalam masalah ini, kita tidak boleh memandang seorang guru besar itu tanggungjawabnya kurang kerana dia tidak mengawal satu district. Kita tidak boleh menganggap seorang Penarah Pelajaran itu kurang daripada Setiausaha Kerajaan maka dia tidak layak mendapat pangkat lebih daripada apa yang didapati oleh Setiausaha Kerajaan umpamanya. Tetapi kita patut perhitungkan dalam masalah kenaikan ini. Banyak faktor. Faktor yang pertama sekali adakah lojik seluruh masyarakat perguruan di dalam Perkhidmatan Pelajaran hanya mempunyai satu Superscale "A" sahaja. Adakah lojik? Di mana kawan-kawan yang sama, yang secara kebetulan ditakdirkan menjawat jawatan yang lain mempunyai banyak peluang-peluang dan mereka ini berjaya mendapat superscale yang lain.

Saya tidak hendak menafikan bahawa untuk mendapat jawatan superscale ini bukannya satu perkara yang mudah, tetapi proses-proses yang tertentu hendaklah dikenakan kepada mereka ini. Misalnya, apa salahnya kalau sekiranya seorang guru siswazah pangkat D1 umpamanya setelah mengalami 7 tahun maka diberilah peluang kepada guru tersebut menghadiri satu Jawatankuasa Temuduga untuk mendapatkan Superscale "G" dan kalau sekiranya dia sudah sampai kepada 12 tahun atau sebagainya, maka berilah peluang pula kepada orang-orang seperti ini serta cuba mendapatkan Superscale "F" ataupun sebagainya, tanpa mengira sama ada seorang guru ini menjadi guru besar di sekolah A, menjadi guru besar di sekolah B, atau menjadi guru besar di sekolah C. Ini tidak ada hubungan, kerana kalau sekiranya kita mengingatkan bahawa dalam sebuah negeri itu hanya 4 atau 5 sahaja guru yang menjadi guru besar di sekolah A, maka ini sahaja guru yang akan mendapat Superscale "G". Apa akan jadi kepada guru-guru yang lain.

Saya rasa disamping kita mengadakan sistem guru mengikut sekolah maka hendaklah juga kita kecualikan sedikit sebanyak supaya guru-guru ini juga diberi peluang sebagaimana juga diberi peluang kenaikan pangkat kepada kerani-kerani, sebagaimana juga diberi peluang kenaikan pangkat kepada

pegawai-pegawai lain dan begitu juga saya harap supaya masalah ini kita jangan pandang begitu rendah sekali.

Satu masalah lagi yang hendak saya sebutkan mengenai pelajaran ini, iaitu saya dapati bahawa secara amalan walaupun pada teorinya perkara ini tidak menjadi ha'at kepada Kerajaan tetapi secara amalan kebanyakan guru-guru siswazah yang baru sahaja tamat universiti oleh sebab kontreknya dengan Kerajaan maka dihantar ke kawasan-kawasan luarbandar, mungkin juga ke negeri Sabah dan Sarawak dan setelah mereka ini berada di sana beberapa tahun, atau berada di negeri-negeri di Pantaj Timur—Kelantan, Trengganu dan Pahang dan sebagainya beberapa tahun maka mereka ini dibenarkan pulang ke tempat asal ataupun berhijrah ke tempat yang paling dekat dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati ini merupakan seolah-olah guru-guru yang baik dalam Hisab dan Sains ini diberi sebagai training ground di tempat-tempat yang dianggap di luarbandar. Jadi kalau sekiranya orang-orang seperti ini boleh dianggap sebagai mendapat latihan di kawasan-kawasan luarbandar dan setelah mereka itu mahir sedikit maka dipulangkan ke tempat-tempat dalam bandar, maka inilah sebabnya keadaan di luar bandar menderita dan merasaj apa-apa kelemahan yang kita dapati dari segi pelajaran.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasai bahawa pihak Kementerian Pelajaran dan juga pihak Jabatan Pelajaran Negeri hendaklah sentiasa memerhatikan keadaan sekolah. Saya dapati masih banyak lagi sekolah-sekolah rendah terutamanya di kawasan luar bandar bukan sahaja Sekolah-sekolah Cina dan Sekolah-sekolah Tamil sepertimana yang telah disebutkan oleh Wakil dari Jelutong semalam, banyak lagi sekolah-sekolah rendah kebangsaan di kawasan-kawasan luar bandar yang tidak mencukupi segala peralatannya, yang tidak memuaskan segala keadaan yang terdapat di sekolah itu. Misalnya, walaupun di sekolah itu kita dapati sekolah tersebut wujudnya dalam kawasan yang ada elektrik tetapi ada sekolah yang masih tidak mempunyai bekalan elektrik. Walaupun kita dapati bahawa kawasan sekolah itu terletak dalam kawasan di mana terdapatnya bekalan air tetapi sekolah ini tidak dibekalkan dengan bekalan air. Saya rasa ini adalah

bukan kerana soal perancangan di peringkat kebangsaan, tetapi ini adalah soal perlaksanaan di peringkat bawah khususnya di peringkat Jabatan Pelajaran. Dengan inilah juga kita dapati juga di setengah-setengah tempat proses pengambilan tanah untuk meluaskan tapak sekolah atau untuk dijadikan tapak sekolah untuk menggantikan bangunan-bangunan yang lama memakan masa bertahun-tahun.

Setelah saya meneliti dan mengikuti perkara-perkara ini, ini bukan soal yang penting sangat, tetapi adalah soal human factor. Kalau sekiranya pegawai-pegawai yang berkenaan sama ada di Kementerian Pelajaran ataupun di Jabatan Pelajaran berkenaan sanggup pergi bertemu dengan orang-orang yang berkenaan, sanggup ikut dari tempat ke tempat, saya rasa tidak sampai bertahun-tahun perkara ini berlaku. Saya tidak hendak menyentuh mana-mana sekolah, Tuan Yang di-Pertua, dan kalau sekiranya pihak-pihak yang berkenaan atau Yang Berhormat Menteri Pelajaran inginkan perkara ini, insya Allah boleh saya berikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh masalah pertanian iaitu perkara yang kedua, yang akhir. Saya dapati bahawa cara (approach) Kementerian Pertanian pada hari ini adalah satu approach yang baik dan realistik sesuai dengan kehendak rakyat pada hari ini. Walaupun pihak Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar tadi mempersoalkan soal Geraktani dilancarkan di Kelantan, saya tidak menyentuh apa yang Ahli Yang Berhormat itu sentuh tetapi pada saya integrated approach ataupun pendekatan yang disatukan ini adalah satu perkara yang agak baik daripada pihak Kementerian Pertanian sendiri.

Kita dapati pada masa-masa yang lepas apabila kita meminta rakyat menyahut seruan kempen Buku Hi'au, maka rakyat mula menanam berbagai-bagai jenis tanaman tetapi yang menjadi masalah ialah soal pasaran. Di samping itu pula setelah kita menghadapi masalah inflasi maka kadang-kadang rakyat tidak sanggup turun ke sawah kerana kerja menanam padi atau turun ke sawah ini tidak ekonomik. Jadi dengan cara integrated approach ini maka sekurang-kurangnya pihak rakyat akan dapat melihat, akan dapat mengetahui dengan secara sertaina segala masalah yang dihadapi oleh mereka, iaitu pertama sekali, diletakkan

segala pihak-pihak yang berkenaan yang bersangkutan-paut dengan petani ini di bawah bumbung yang sama. Jadi kalau sekiranya masalah benih—Jabatan Pertanian ada, kalau masalah pemasaran—FAMA ada, kalau masalah kredit—pihak Kredit Koperasi atau Bank Rakyat ada. Ini adalah satu perkara yang patut saya rasa diberi perhatian atau diberi pujian atau tahniah kepada pihak Kementerian Pertanian.

Di samping itu, saya juga meminta supaya soal subsidi baja yang diberikan pada tahun ini kita teruskan juga. Tetapi di samping itu, saya benar-benar mengharapkan supaya setiap baja yang kita berikan yang berharga \$60 setiap ekar itu hendaklah benar-benar pergi kepada petani-petani yang mengerjakan sawah tetapi bukannya kepada tuan punya-tuan punya tanah yang tidak melihat selut, yang tidak melihat lumpur, yang tidak mengenal tangkai padi.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa tentulah dengan pengalaman-pengalaman yang didapati pada tahun permulaan subsidi baja diberikan pada tahun ini, perkara-perkara yang seperti ini dapati diatasi dan dapat disesuaikan dengan kehendak kita supaya setiap ringgit yang dikhaskan untuk petani itu hendaklah sampai kepada petani sendiri dan setiap nikmat yang patut sampai kepada petani hendaklah dinikmati dan dirasakan oleh petani sendiri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Pertanian juga ialah masalah perikanan. Saya juga menyambut baik usaha-usaha pihak Kementerian Pertanian iaitu hendak mengurangkan population nelayan iaitu bilangan kaum-kaum nelayan. Saya rasa ini adalah satu perkara yang patut dijalankan dengan serta-merta kerana kita dapati selain daripada mungkin sumber-sumber ikan negara ini sudah berkurangan, maka sudah sampai masanya kita susun semula masyarakat petani kita supaya kita kurangkan bilangan nelayan-nelayan ini kepada suatu kumpulan di mana kerja-kerja sebagai nelayan ini adalah kerja ekonomik dan mereka yang kita dapati agak boleh dipindahkan ke tempat lain, kita pindahkan ke tempat lain.

Saya rasa kita perlu membuat satu gerakan secara besar-besaran, iaitu memindahkan sebahagian daripada nelayan-nelayan ini ke dalam rancangan-rancangan tanah yang dijalankan oleh pihak Kerajaan-kerajaan

Negeri ataupun pihak FELDA. Saya percaya bagi keluarga nelayan daripada Kelantan kalau sekiranya mereka itu ditawarkan memasuki rancangan-rancangan tanah, saya tidak yakin mereka itu akan menolak kerana dari segi pengalaman kami di Kelantan iaitu setelah Kerajaan Kelantan melancarkan Rancangan Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) ramai di antara pemohon-pemohon ini adalah daripada belia-belia yang datangnya daripada keluarga-keluarga nelayan yang sebelum daripada ini minat mereka adalah lebih banyak ke Singapura, ke Pahang, ke Selangor dan sebagainya daripada ke laut yang sepatutnya mereka pergi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kenyataan ini patut benarlah supaya satu penyusunan semula masyarakat nelayan dibuat supaya mereka ini dapat diubah kehidupan mereka itu daripada masyarakat nelayan sendiri sampailah kepada suatu masyarakat yang tersusun sebagaimana yang kita dapati di FELDA atau dalam rancangan-rancangan tanah yang lain.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pertanian juga, saya tidak hendak bercakap dalam soal lain, hanya soal pertanian. Saya harap oleh sebab Kementerian Pertanian adalah merupakan satu pengharapan yang besar kepada rakyat tani di luar bandar maka selain daripada soal petani, selain daripada soal nelayan maka hendaklah juga kita sentuh soal-soal penternakan, hendaklah juga kita sentuh soal-soal penternakan ikan air tawar dan sebagainya.

Saya rasa dalam soal penternakan ikan air tawar ini, Kementerian Pertanian saya syorkan supaya bekerjasama rapat dengan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan saya harap supaya lebih banyak lagi usaha-usaha dan peruntukan-peruntukan diberikan kepada pihak belia-belia supaya membela ikan iaitu di bawah projek-projek Belia Peladang iaitu belia membela ikan air tawar. Selain daripada itu, saya rasa eloklah juga kita membanyakkan lagi soal pembiakan atau pembelaan ayam, itik dan sebagainya. Tetapi satu masalah sekali lagi saya harap ini dapat diatasi dengan adanya kaedah Geraktani yang diadakan sistem integrated ini iaitu pernah berlaku di kawasan saya sendiri di Kelantan, apabila ramai orang-orang yang membela ayam maka sampai

ke satu peringkat di mana harga ayam tidak terkawal yakni terlalu rendah (uneconomic) dan begitu juga harga-harga telur telah terlalu rendah. Jadi kita hendaklah mengadakan satu kaedah atau satu sistem di mana segala hasil yang dikeluarkan oleh rakyat ini sama ada ayam, itik, telur, daging atau sebagainya hendaklah dibeli oleh FAMA.

Saya bersyukur, Tuan Yang di-Pertua, kerana pihak Kementerian Pertanian telahpun mendapat peruntukan sebanyak 5 buah bilik sejuk dan satu daripadanya di Kota Bharu pada tahun ini, dan saya harap bilik-bilik sejuk ini bukannya setakat digunakan untuk perkara-perkara seperti membeli sayur atau menyimpan sayur dan sebagainya tetapi hendaklah juga dibuat perhitungan kepada perkara-perkara yang semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya dalam masalah pertanian ini, pihak rakyat, pihak petani, pihak nelayan atau pihak pekebun-pekebun kecil, pihak Kerajaan tidak usah ragu mengenai daya usaha ataupun kerajinan mereka itu. Apa yang mereka perlu ialah bimbingan, apa yang mereka perlu ialah bantuan-bantuan sama ada merupakan benih, sama ada merupakan nasihat-nasihat dan akhirnya apa yang mereka pertingkatkan ialah setiap yang mereka hasilkan itu mendapat pasaran dan setiap hasil daripada titik peluh mereka itu tidak akan disia-siakan kerana kita pernah mendengar pada masa-masa yang lepas berapa banyak perkara-perkara yang demikian pernah berlaku.

Saya sendiri telah membawa di dalam Dewan yang mulia ini pada sidang yang lepas di mana saya telah membawa contoh ubi keledek. Apa yang saya benar-benar mengharapkan supaya dengan adanya sistem integrated ini pegawai-pegawai pertanian bukan hanya setakat menunggu di pejabat-pejabat masing-masing, mungkin juga pada hari ini pegawai-pegawai pertanian yang dipanggil sebagai extension officers kadarnya satu orang pegawai kepada 600 penduduk yang sepatutnya kadar seorang pegawai extension atau pegawai khidmat nasihat ini satu orang bagi 400 atau 500 orang penduduk sahaja. Walau bagaimanapun, sebelum kita sampai utopia atau kehendak kita yang sebenarnya di mana tiap-tiap pegawai ini akan menaga 400 atau 500 orang penduduk biarlah kita gunakan apa yang ada pada kita hari ini. Cuma dengan apa yang ada pada kita hari ini diharapkan supaya pegawai-pegawai ini jangan mengambil kesempatan

dengan sebab adanya satu pejabat integrated, adanya satu sistem di mana petani boleh mencari mereka. Saya harap mereka ini janganlah sekadar duduk di pejabat, janganlah mereka ini sekadar bekerja lapan jam sehari, janganlah mereka ini sekadar menunggu dan melihat apa yang hendak dibawa oleh petani kepada mereka itu.

Boleh jadi Yang Berhormat Menteri Pertanian telahpun mempunyai sikap ini iaitu meminta pegawai-pegawainya mencari masalah, kalau belum lagi, saya mencadangkan pegawai-pegawai Kementerian Pertanian di dalam usaha hendak menolong rakyat luar bandar mereka ini hendaklah mencari masalah, mungkin rakyat oleh sebab keadaan sosio-ekonomi mereka adalah begitu rupa, mereka tidak tahu di mana hendak sebut, macam mana hendak sebut, cara hendak sebut kepada siapa hendak sebut. Dan ini kita memerlukan pegawai-pegawai tersebut sendiri untuk pergi kepada mereka itu. Banyak cara pegawai yang berkenaan boleh buat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa ada dua minit lagi.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Terima kasih. Cara yang pertama mereka hendaklah pergi ke tempat-tempat orang ramai seperti masjid, surau dan sebagainya, kedua mereka pergilah bersama-sama yunit-yunit penerangan ke kampung-kampung, yang ketiga mereka hendaklah selalu berdamping dengan rakyat melalui dialog-dialog dan yang keempat tidaklah menjadi masalah kalau sekali-kali mereka ini turut turun ke sawah pergi berjumpa dengan seorang dua dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ada masa satu minit lebih lagi saya ingin menyentuh satu masalah lagi iaitu masalah pertahanan. Saya mengalu-alukan sikap Kerajaan kita dengan mengadakan peruntukan yang besar dari segi pertahanan. Saya rasa sudah sampai masanya kita seluruh rakyat negara ini memandang serius akan keadaan yang berlaku di sekitar kita sekarang ini. Walaupun kita pernah dijajah dan ditakluk oleh Jepun, walaupun kita pernah dijajah dan ditakluk oleh bangsa-bangsa Barat, tetapi aliran yang mendatang ini adalah jauh berbeza dengan apa yang pernah kita lihat dahulu. Saya harap supaya pihak Kerajaan atau pihak Kementerian Pertahanan hendaklah

mengambil sebarang usaha yang dapat kerana walaupun saya sendiri tidak yakin dengan keadaan domino theory, walaupun semua kita tidak yakin dengan domino theory akan direalisasikan bagi negara ini, tetapi segala persiapan hendaklah kita buat.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya tidak ada gunanya kita membuat perkara-perkara yang lain yang lebih penting kalau sekiranya masalah pertahanan dan keselamatan tidak terjamin. Dengan demikian, saya sekali lagi meminta supaya pihak Kementerian Pertahanan, kalau perlu diperbesar peruntukan diperbesar peruntukan, kalau perlu diperbesar tenaga perbesar tenaga, kalau perlu diperbesar peralatan diperbesar peralatan. Akhirnya di dalam masalah ini saya harap supaya benteng di sempadan hendaklah diperkuatkan dan di samping itu kita hendaklah juga menjalankan usaha-usaha diplomat di peringkat antarabangsa sesuai dengan kita sebuah negara yang kecil sesuai dengan sebuah negara yang tidak mungkin dapat mempertahankan diri jikalau sekiranya benar-benar terdapat ancaman secara warfare. Melalui diplomatik juga patut kita jalankan dengan cermat dan baik supaya selain daripada kita menyiapkan diri kita untuk mempertahankan dari segi warfare, menyiapkan diri kita dari segi psychological warfare, menyiapkan pertahanan kita dari segi menentukan ketahanan rakyat dari segi ancaman-ancaman psikologikal seperti mana saya sebutkan tadi, maka patut juga kita menyiapkan diri di peringkat antarabangsa.

Dalam hal ini, saya rasa usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian Luar pada hari ini sama ada melalui ASEAN dengan pakatan-pakatan yang tertentu ataupun dengan melalui forum-forum antarabangsa seperti mana yang dibuat hari ini hendaklah ditambahkan. Rasanya dua bidang ini adalah penting, pertahanan di dalam negeri dan juga kerja-kerja diplomatik di peringkat antarabangsa hendaklah diperkuatkan seperti kata orang, sediakan payung sebelum hujan, sediakan ubat sebelum sakit dan kita bersiap sedia berjaga-jaga sebelum sampainya waktu dan saat dan kalau bila sampai waktu dan saat, maka pada waktu itu insya Allah, kita semua sebagai rakyat negara ini yang cinta kita tidak berbelah bahagi kepada negara ini. Saya yakin dan percaya setiap rakyat akan menyahut seruan daripada Kerajaan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Gerik.

5.18 ptg.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik):** Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan, sukalah saya menarik perhatian Dewan kepada keadaan ekonomi negara kita yang begitu kukuh dan stabil.

Selama empat tahun yang lepas ini iaitu daripada tahun 1976 sehinggalah kepada tahun 1979 kadar pertumbuhan inflasi di negara kita hanyalah 4% sedangkan kadar pertumbuhan ekonomi adalah 8%. Di dalam kita membincangkan pertumbuhan ekonomi ini seharusnya juga kita membincangkan berkenaan dengan keadaan kemiskinan di negara kita ini. Pembasmian kemiskinan dan juga cara-cara kita mengatasi kemiskinan di luar bandar, cara-cara kita memperbesar dan memperbanyakkan lagi jalanraya di luar bandar, meningkatkan lagi bekalan letrik luar bandar dan juga kesihatan di luar bandar mestilah juga kita perhitungkan.

Satu lagi cara kita mengatasi dan juga membasmikan kemiskinan ialah dengan cara kita memberi pelajaran kepada pelajar-pelajar daripada luar bandar.

Saya ucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan dan juga syabas kepada Menteri Pelajaran kerana kalau dahulu di tahun 1958 selepas kita mencapai kemerdekaan pelajar di universiti kita hanyalah ada 1,800 tetapi pada tahun 1979 kita mempunyai pelajar sebanyak 20,900 orang dan dahulu pelajar-pelajar di sekolah rendah hanyalah 63% daripada kanak-kanak di negara kita tetapi hari ini dalam tahun 1979, 94% daripada kanak-kanak di negara kita telahpun mendapat pelajaran.

Kita juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana 1/5 daripada jumlah Belanja Mengurus atau \$2,055 juta adalah diperuntukkan kepada pelajaran. Dan kita juga mengucapkan tahniah kerana \$62 juta akan disediakan untuk biasiswa dan dermasiswa kepada lebih 92,000 orang murid. Sebanyak \$20 juta lagi akan disediakan pada tahun depan untuk membolehkan kira-kira 587,000 murid mendapat makanan percuma. Sekolah berasrama yang kebanyakannya untuk murid dari golongan yang berpendapatan rendah akan diberi peruntukan sebanyak \$23 juta bagi menampung kira-kira

39,000 murid. Dan Kerajaan juga sedang melipat gandakan usahanya bagi menyediakan kemudahan-kemudahan perumahan yang baik terutamanya bagi rumah-rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menyentuh sedikit berkenaan dengan pelajaran. Dan dalam menyentuh berkenaan dengan pelajaran ini sukalah saya membawa satu peristiwa yang berlaku di kawasan saya, yang mana boleh menunjukkan kepada Kerajaan betapa tingginya hasrat dan cita-cita rakyat untuk mendapatkan pelajaran tinggi bagi anak-anak mereka.

Pada 6hb Mei yang lepas satu rombongan pelajar-pelajar dari Universiti Malaya anak Perak telah mengadakan satu projek Khidmat Siswa-siswi di dalam kawasan pilihanraya saya iaitu di Kampung Kenayan.

Pada 6hb Mei tepat pukul 6.00 petang maka sampailah rombongan pelajar-pelajar ini ke Kampung Kenayan dan pelajar-pelajar ini telah disambut oleh penduduk-penduduk kampung dan juga oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Kenering iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak sendiri. Apabila pelajar-pelajar ini sampai ke kampung itu dan daripada kajian yang telah kami jalankan, kami dapati penduduk-penduduk kampung di situ yang mana tidak pernah ada motosikal, telah membeli motosikal, yang mana tidak pernah ada tilam telah membeli tilam, yang mana tidak pernah ada katil telah membeli katil dan yang mana tidak pernah menyediakan permaidani di rumah membeli permaidani, hanyalah untuk menyambut kedatangan pelajar-pelajar ini. Pelajar-pelajar ini disambut bukanlah sebagai anak angkat tetapi mereka disambut seolah-olah menyambut menantu.

Apabila tiba hari yang tersebut iaitu pada 6hb Mei apabila pelajar-pelajar ini sampai ke kampung Kenayan, mereka telah dibahagikan kepada ibu dan bapa angkatnya. Dan seorang ibu angkat yang baru sahaja kehilangan seorang anak, anaknya baru sahaja meninggal dua bulan, beliau telah menerima seorang anak angkat perempuan siswi daripada Universiti Malaya. Dan apabila beliau menerima anak angkat ini dan memerhati bahawa wajah anak angkat yang baru diterimanya tadi saling tak tumpah seperti wajah anaknya yang baru meninggal dunia ditambah pula anak angkat ini memakai mini telekung atau purdah, maka ibu angkatnya

tadi pun menangis. Apabila anak angkat tadi melihat yang ibu angkatnya menangis, dengan tidak tahu cerita, anak angkat tadi juga menangis. Dan kesemuanya yang ada di majlis itu pun turut menangis. Maka tinggalah pelajar-pelajar ini di Kampung Kenayan selama 10 hari.

Di akhir hari yang ke 10 setelah mengadakan berbagai projek di Kampung Kenayan, sama ada projek-projek daripada segi jasmani dan juga projek-projek daripada segi rohaniah maka sampailah pada tarikh pelajar-pelajar ini meninggalkan kampung Kenayan. Pada 16hb Mei telah diadakan majlis penutup secara rasmi, Projek Khidmat Siswa-siswi ini, maka kesemua sekali penduduk-penduduk kampung pun turunlah dan yang lelaki berbaris di sebelah kiri dan yang perempuan berbaris di sebelah kanan. Maka pelajar-pelajar yang tinggal di atas Dewan Orang Ramai Kampung Kenayan pun turunlah, yang lelaki mengikut sebelah kiri dan yang perempuan sebelah kanan. Sambil turun mereka pun bersalam-salamlah dengan penduduk-penduduk kampung dan terus menuju kepada bas yang menanti di tepi jalan. Belum pun sempat pelajar-pelajar ini sampai kepada bas yang menunggu maka sekali lagi majlis menjadi hiba. Majlis itu penuh dengan ratap tangis, anak-anak angkat menangis, bapa-bapa angkat menangis, ibu-ibu angkat menangis dan saya juga yang turut serta pun turut menangis. Apabila bas telahpun meninggalkan kawasan itu menuju ke Ipoh maka saya pun menghampirilah seorang bapa angkat, seorang pak cik dan saya bertanya:

“Pak Cik, kenapa pakcik menangis?” Maka jawab orang tua itu, katanya “Tajol, pakcik menangis bukanlah pakcik bersedih yang anak angkat pakcik ini telah pergi. Kalau anak pakcik sendiri pergi pada hari ini ke Kuala Lumpur pakcik tidak menangis. Tetapi apa yang pakcik tangisi hari ini ialah kerana cita-cita hasrat serta impian dan juga angan-angan pakcik bahawa anak pakcik pada suatu hari nanti akan sampai ke universiti, tetapi sebenarnya tidak seorang pun anak pakcik sampai ke universiti.

Tetapi selama 10 hari ini, pakcik dapat berangan-angan bahawa anak yang di universiti itu juga adalah anak pakcik. Pakcik juga turut bersukacita, turut gembira, mendengar cerita-cerita lucu mereka berkenaan dengan universiti, dan pakcik juga turut bersedih dengan keadaan-keadaan kesedihan mereka di universiti. Selama 10 hari ini pakcik ber-

angan-angan, bermimpi-mimpi seolah-olah anak pakcik sendiri ada di universiti. Dengan perginya mereka pada hari ini maka seluruh hasrat, impian dan cita-cita pakcik hancur lebur. Pakcik seolah-olah telah tersedar dari mimpi yang indah, dan pakcik sedar hari ini bahawa pakcik tidak ada seorangpun di universiti.”

Daripada cerita yang pendek ini, Tuan Yang di-Pertua, nampaklah kepada kita bahawa hasrat, cita-cita dan juga impian tiap-tiap seorang bapa yang ada di luar bandar, ialah supaya anaknya sampai ke peringkat universiti, supaya anaknya dapat pergi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang tinggi, bukan sahaja untuk mendapatkan pelajaran, bukan sahaja untuk mendapatkan satu jawatan yang penting dalam Kerajaan tetapi juga untuk dapat membela nasib ibubapa mereka yang ada di kawasan luar bandar, nasib adik-adik mereka dan juga nasib jenerasi masa depan penduduk luar bandar.

Dengan sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Menteri Kewangan dan juga Kementerian Pelajaran kerana telah memperuntukkan satu peruntukan yang besar bagi memberi biasiswa kepada anak-anak kita terutama sekali yang datang daripada luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperbincangkan berkenaan dengan belanjawan pada tahun ini juga, saya sukalah menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan pertahanan. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah memperbanyakkan lagi peruntukan kepada pertahanan. Tahun yang sudah pihak Kerajaan telah memberi peruntukan sebanyak \$1,891 juta untuk pertahanan dan daripada jumlah ini \$1,188 juta ialah untuk belanja mengurus dan \$702 juta untuk pembangunan.

Tetapi pada tahun ini pihak Kerajaan telah menambahkan lagi peruntukan ini kepada \$2,962.8 juta iaitu \$1,446 juta untuk belanja mengurus, \$1,516 juta untuk belanja pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap iaitu mewakili rakyat yang tinggal di pendalaman, rakyat-rakyat yang tinggal di luar bandar, rakyat yang sentiasa berhadapan dengan keadaan yang meruncingkan, rakyat yang mana suami-suami mereka, bapa-bapa mereka

dan anak-anak mereka hari ini berjuang bermati-matian di tengah-tengah hutan dan belantara tidak mengenal panas atau hujan, berjuang menentang musuh negara semoga rakyat negara ini, sebuah negara yang berdaulat dan merdeka dapat hidup aman dan makmur tanpa takut akan keselamatan diri mereka. Semoga rakyat negara ini dapat tidur nyenyak, dapat merasai pula apakah nikmatnya mimpi nan indah sehingga kadangkala mereka lupa bahawa musuh berada di sekeliling pinggang mereka.

Saya bangun hari ini, Tuan Yang di-Pertua, mewakili mereka yang hari ini terlantar di hospital-hospital di seluruh negara kita, saya bangun untuk mewakili bunga-bunga bangsa di mana hari ini banyak anak-anak menjadi yatim, ditinggalkan ayah yang telah terkorban di medan pertempuran, banyak isteri-isteri yang menjadi janda dan banyak ibu-ibu yang kehilangan tempat mereka bergantung hidup dan menumpang kasih.

Saya bangun mewakili mereka ini, untuk meminta jasa baik Kerajaan supaya kadar perkhidmatan anggota-anggota tentera kita diperbaiki. Dan saya bangun mewakili mereka ini juga, untuk melahirkan rasa kesal berkaitan dengan satu usul yang telah dibangkitkan, yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang di Dewan ini di penggal yang lalu.

Saya merasa amat kesal melihat telatah pihak Pembangkang yang tidak sedikit pun mempunyai perasaan di atas penderitaan rakyat. Pihak Pembangkang seolah-olah telah lupa kepada peristiwa di mana 69 biji jentolak telah dimusnahkan di projek Lebuhraya Timur-Barat beberapa tahun yang lalu dan pihak Pembangkang seolah-olah telah lupa kepada peristiwa pembunuhan Ketua Polis Negara dan Ketua Polis Negeri Perak, dan pihak Pembangkang juga seolah-olah telah juga lupa kepada peristiwa di Bukit Gubir di mana sebuah helikopter TUDM telah ditembak jatuh dan pihak Pembangkang juga seolah-olah tidak mahu untuk cuba merasai penderitaan yang dialami oleh anak-anak yang yatim, janda-janda yang kematian suami dan ibubapa yang kehilangan anak. Di tengah-tengah sedu-sedan dan ratapan tangis mereka yang malang ini, pihak Pembangkang dengan angkuhnya tanpa apa-apa timbang rasa dan dengan perasaan yang tidak bertanggungjawab

sanggup pula mengatakan bahawa keadaan darurat sudahpun tidak wujud lagi di Malaysia dan undang-undang tersebut harus dibatalkan.

Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, sama ada pihak Pembangkang betul-betul telah lupa akan kejadian ini ataupun mereka pura-pura lupa kepada hakikat ini. Kalau mereka betul-betul terlupa kepada kejadian yang telah berlaku, Tuan Yang di-Pertua, saya sedia memaafkan mereka, tetapi jika mereka pura-pura melupakan perkara yang telah berlaku hanya untuk tujuan politik mereka, saya sungguh kesal. Lupakah mereka ini bahawa pada saat inipun beratus-ratus tentera kita sedang mengawal dengan rapi pekerja-pekerja kita di Lebuhraya Timur-Barat, mengawal dengan rapi pekerja-pekerja kita di Ampangan Temengor dan mengawal dengan rapi Ampangan Temengor itu sendiri. Kalau mereka ini pergi ke hospital-hospital di Grik, di Baling, Sungai Petani, Ipoh dan Pulau Pinang baharulah mereka sedar akan bilangan tentera kita yang cedera. Bilangan orang awam kita yang cedera akibat terkena jerangkap samar.

Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini di kawasan saya akibat musim kemarau, akibat daun getah yang gugur dan oleh kerana desakan hidup maka penduduk-penduduk di pendalaman di kawasan saya telah masuk ke hutan untuk mencari rotan dan mendulang bijih. Hasrat dan impian mereka pergi mencari rotan dan mendulang bijih cuma untuk membeli susu untuk anak yang dahagakan susu, membeli makanan untuk anak yang laparkan makanan dan juga rintihan dari isteri yang dikasihi, yang merayu mendapatkan persalinan pakaian hari raya dan untuk tujuan-tujuan ini dan bukan untuk mencari kekayaan mereka sanggup melanggar perintah berkurung. Mereka sanggup masuk ke kawasan larangan dan mereka sanggup membanting tulang mencari rotan, menarik rotan, memikul rotan dan berendam berjam-jam di dalam sungai untuk mendulang bijih.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, kurang lebih dua bulan sudah pula di Kampung Air Panas, Keroh lebih kurang dua batu dari pekan Keroh di atas jalan antarabangsa dari Keroh ke Betong Selatan Siam, askar-askar kita yang dalam proses penukaran guard telah

diserang hendap dan tiga orang tentera kita telah terbunuh dengan serta merta dan seorang lagi meninggal dunia di hospital akibat luka parah. Kenapakah semasa membuat usulnya dahulu Ketua Pembangkang hanya menyebut berkenaan dengan kes di Raub. Kenapakah Ahli Yang Berhormat tersebut tidak menyebut berkenaan dengan 162 orang tentera kita yang telah terbunuh dan 750 orang lagi yang luka parah akibat jerangkap samar dalam tahun 1977 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membincangkan berkenaan dengan pertahanan negara tidak lengkap jika kita tidak menceritakan peristiwa-peristiwa sedih yang berlaku di dalam negara kita dan juga kadangkala peranan-peranan yang tidak bertanggungjawab yang telah dimainkan oleh pihak Pembangkang, yang kadangkala boleh menguntungkan pihak musuh dan mencetuskan sekali lagi perasaan perkauman yang menabal di kalangan rakyat.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menarik perhatian Dewan pada peristiwa yang berlaku di Kampung Baru Air Kala dalam kawasan Parlimen Gerik tahun sudah. Pada suatu pagi dua orang adik beradik, seorang lelaki dan seorang perempuan telah keluar dari rumah mereka untuk pergi ke kebun tembakau mereka yang letaknya hampir dengan kampung Melayu. Mereka didahului oleh abang mereka yang juga menonggang motosikal. Setelah menyeberangi Sungai Perak abangnya terus ke kebun. Setelah lama menunggu ketibaan adiknya tidak juga sampai, abang tadi pun mengikut jalan yang dilalui tadi dan apabila diberi tahu oleh rakan-rakannya yang adiknya telah menyeberang sungai maka dia pun mula mencari adiknya. Setelah puas mencari mereka menjumpai motosikal adiknya tetapi apabila adiknya tidak juga kembali pada waktu petang maka hal itu telah dilaporkan kepada pihak polis. Saya sendiri sebagai Wakil Rakyat mereka turut serta menziarahi keluarga ini untuk bertanya khabar.

Dalam masa hal ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, pihak DAP dengan diketuai oleh Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen daripada Menglembu turut serta pergi ke Air Kala dan membuat berbagai-bagai tuduhan yang melulu berkenaan dengan tragedi ini. Apabila saya pergi ke Kampung Air Kala di kali yang ketiga saya ternampak Ahli Yang Berhormat dari Menglembu juga berada di

kampung tersebut dan berlainan sekali dengan kali yang pertama dan kedua dahulu sambutan kepada saya kali ini sungguh dingin. Sambutan yang dingin ini adalah selepas penduduk-penduduk tempatan ditiupkan dengan tomah-tomah dan fitnah-fitnah daripada DAP. Sambutan juga sungguh dingin sekali apabila Yang Amat Berhormat Datuk Seri Menteri Besar sendiri melawat keluarga yang malang itu. Apabila mayat-mayat kedua-dua mereka ini dijumpai oleh pihak tentera di dalam guni yang berasingan di dalam Sungai Perak maka tomah dan fitnah DAP makin menjadi-jadi. Di hari mayat-mayat ini hendaklah dikebumikan pihak DAP dengan ini diketuai oleh Ketua Pembangkang dan ramai sekali penyokong-penyokong DAP dari luar kawasan Lenggong telah datang ke Lenggong untuk turut serta dalam perarakan pengebumian. Pihak DAP bukan setakat menghadiri perarakan ini malah pihak DAP mencadangkan agar bendera-bendera DAP dikibarkan dan semua yang berarak memakai lambang atau badge roket.

Saya bagi pihak keluarga si mati berterima kasih kepada Ketua Pembangkang yang begitu mengambil berat berkenaan tragedi ini, tetapi saya sungguh kesal dan mengutuk sikap DAP yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan ini. Di saat keluarga si mati berkabung DAP pula mengambil kesempatan untuk mananggung di air keruh untuk menaikkan imej politik mereka secara kotor, mujurlah Persatuan Tionghua Lenggong telah menolak cadangan DAP untuk menjadikan perarakan itu sebagai perarakan politik. DAP sanggup untuk menjadikan perarakan kematian sebagai satu perarakan politik demi untuk menjayakan hasrat dan cita-cita mereka untuk mendapatkan kuasa di Malaysia. Kalau mereka tidak boleh mendapat kuasa secara demokrasi DAP tidak teragak-agak untuk menggunakan taktik yang kotor demi untuk mendapatkan kuasa. Kita kesal yang DAP sanggup melakukan hal ini. Tetapi kita mengucapkan tahniah dan syabas kepada Persatuan Tionghua Lenggong yang telah bersikap begitu tegas dan berani di dalam keadaan yang wujud dan gagal cita-cita dan hasrat DAP yang tidak bertanggungjawab itu. Akibat daripada taburan fitnah DAP maka pemuda-pemuda China yang terpaksa melalui kampung-kampung Melayu untuk pergi ke perarakan di pekan Lenggong ini telah menonggang motosikal mereka dengan begitu laju sekali dan dengan perasaan yang marah. Sedarkah DAP apa

akan terjadi kepada kawasan Parlimen Gerik jika salah sebuah motosikal ini terlanggar akan salah seorang anak Melayu yang berdiri di sepanjang jalan itu. Siapakah yang akan bertanggungjawab di dalam hal ini jika peristiwa seperti di Kuala Lumpur timbul akibat daripada anak-anak Melayu ini dilanggar siapa akan bertanggungjawab. Bagi Ketua Pembangkang dan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu, mereka boleh lari balik ke Ipoh dan Kuala Lumpur, tetapi apa akan jadi kepada penduduk-penduduk Lenggong yang selama ini boleh hidup dan telahpun hidup dengan penuh harmoni antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan usul Belanjawan ini suka saya menarik perhatian kepada hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling. Ahli Yang Berhormat itu telah menonjolkan dirinya kononnya Belanjawan tahun ini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan merupakan seolah-olah sebuah Belanjawan yang mempunyai banyak unsur-unsur politik di dalamnya dan beliau seterusnya mengatakan bahawa satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan pada tahun ini lebih bernasib baik daripada Menteri-menteri Kewangan yang lain memandangkan yang beliau memegang jawatan dalam masa aliran ekonomi negara berubah dengan penemuan sumber kekayaan baru bagi negara ini iaitu minyak. Ahli Yang Berhormat itu seterusnya mengatakan bahawa minyak merupakan satu kurniaan daripada Allah subhanahu wataala dan ini bukan berpunca daripada kejayaan Dasar Ekonomi Baru tetapi hasil dari nasib baik dengan penemuan minyak itu. Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu telah keterlaluan kerana seolah-olah menunjukkan bahawa tanpa hasil minyak ini maka akan terserlahlah kegagalan Dasar Ekonomi Baru.

Lupakah Ahli Yang Berhormat bahawa sememangnya Kerajaan berharap dan penuh keyakinan bahawa minyak akan dijumpai di negara kita ini dan itulah sebabnya maka PETRONAS telah ditubuhkan. Terjumpanya minyak di sekitar kawasan dalam negara kita ini membuktikan lagi kejayaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dan ianya akan menjamin kestabilan dan kekokohan ekonomi Malaysia di dalam tahun 80an. Malahan kalau sebelum ini minyak tidak pernah dijumpai tetapi dengan adanya pe-

rancangan yang teliti dan kajian yang terperinci dan penyelidikan yang begitu teratur minyak telah dijumpai dan ini merupakan rahmat yang telah dikurniakan oleh Tuhan kepada negara ini berkat dari usaha yang gigih yang telah dijalankan oleh Kerajaan kita. Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan kaum itu sendiri berusaha untuk mengubah nasib mereka sendiri dan Kerajaan kita telah berusaha dan Tuhan telahpun mengurniakan tetapi PAS bukan sahaja tidak bersyukur dengan nikmat yang telah diberikan oleh Tuhan ini malahan ianya merasa terkilan pula seolah-olah dengan terjumpanya minyak ini maka hampalah harapan PAS untuk menyaksikan kegagalan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Setelah dilihat oleh pihak PAS bahawa cita-citanya untuk melihat kegagalan Dasar Ekonomi Baru akan menemui jalan buntu, maka PAS menuduh pula bahawa peruntukan pembangunan yang hampir \$10 juta itu merupakan satu dendang politik sahaja kerana dari segi perlaksanaannya keupayaan membelanjakan wang yang sebanyak itu adalah terhad tetapi pihak PAS telah lupa bahawa Operasi Isi Penuh yang akan mengambil 42,000 orang pekerja baru adalah sebagai satu persediaan terhadap rancangan Kerajaan untuk membereskan kesemua sekali projek-projek yang akan dilaksanakan dengan peruntukan yang besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik hati dengan perubahan sikap pemimpin PAS yang ada pada hari ini. Mungkinkah ini satu pertanda yang baik bagi negara kita kerana pemimpin-pemimpin PAS di kebelakangan ini sudah mula menerima realiti politik. Di dalam sebuah negara yang majmuk, sebuah negara yang berbilang kaum kita kagum dengan petikan dari perjuangan Saidina Ali radhia'llahu 'anhu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling sebagai berkata: Adapun orang Islam itu saudara mu seugama dan adapun orang bukan Islam itu saudara mu sesama manusia. Syukur alhamdulillah, hari ini PAS telah kembali kepada kenyataan. PAS tidak lagi tinggal di alam impian. Mungkinkah penyertaan PAS dalam Kerajaan Barisan Nasional dahulu telah membuka mata PAS kepada kenyataan sehingga PAS tidak lagi menganggap orang-orang yang bukan Islam sebagai kafir laknatullah.

Kita masih ingat akan laungan-laungan PAS yang mengkafirkan orang-orang UMNO semata-mata kerana UMNO berkawan dengan MCA dan MIC, tetapi selepas mereka juga sama-sama masuk ke kancah Barisan Nasional maka hari ini barulah PAS terjumpa dengan pesanan Saidina Ali radhia'llahu'anhu. Kenapa selama ini PAS menganggap perpaduan politik antara UMNO, MCA dan MIC sebagai tidak Islamic tetapi hari ini PAS telah bertukar sikap, telah tidak mendapat sambutan daripada pengundi-pengundi Melayu. PAS cuba pula bermain silap mata dengan pengundi-pengundi bukan Melayu dan bagi pemimpin-pemimpin PAS ini di anggap sebagai satu perubahan sikap yang Islamic dan bukan politik.

Saya ucapkan syabas kepada Ahli Yang Berhormat dari Baling kerana kemantapan politiknya. Sekurang-kurangnya ada seorang yang cerdik di antara pemimpin-pemimpin PAS yang ada selama ini di negara kita ini. Syabas saya ucapkan dan saya berdoa semoga satu hari nanti Ahli Yang Berhormat dari Baling akan dapat pula mencapai jawatan untuk menjadi Yang di-Pertua Agong PAS semoga PAS akan lebih dapat menjalankan satu politik yang realiti dan liberal tetapi dalam masa Ahli Yang Berhormat dari Baling cuba menunjukkan sikap liberal PAS, Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh pula menarik perhatian Dewan kepada kewujudan 15,000 kuil Hindu di Malaysia sedangkan masyarakat Hindu merupakan 800,000 daripada penduduk Malaysia dan bagi 5 juta lebih umat Islam yang ada di Malaysia ini hanya ada tempat ibadat sebanyak 2,500 sahaja. Tidakkah beliau sedar bahawa kebanyakan kuil-kuil ini didirikan sendiri oleh orang-orang yang beragama Hindu tetapi kenapakah PAS yang mengagung-agungkan diri mereka sebagai pembela Islam tidak menjalankan kempen untuk menyeru rakyat membina surau atau masjid mereka sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** . . . . untuk menambahkan lagi bilangan tempat ibadat selain daripada yang telah dibina oleh Kerajaan. Kita berharap pemimpin-pemimpin PAS akan muncul untuk mendirikan dengan wang ringgit mereka sendiri tempat-tempat ibadat untuk

menjadi contoh kepada Ahli-ahli Barsian Nasional daripada UMNO yang selama ini mereka kafir-kafirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala sukacitanya menyokong peruntukan Belanjawan tahun ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Sandakan.

5.50 ptg.

**Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam Bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, walaupun Yang Berhormat telah berjanji dahulu akan bercakap dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

**Tuan Fung Ket Wing:** (*Dengan izin*) Mr Speaker Sir, I rise to participate in the debate on the 1980 Budget which was presented to this House on 18th October, 1979.

The revision of estate duty as proposed in the 1980 Budget is applicable only to Peninsular Malaysia effective 18-10-1979. People in Sabah and Sarawak are all loyal Malaysians and any law that is proposed which will benefit the people should be extended to benefit all without regard to any State. The Finance Minister has therefore a duty to give a legitimate answer to the people of Sabah and Sarawak as to why the proposed amendments on estate duty cannot be extended to Sabah and Sarawak simultaneously, and I urge the Finance Minister to extend the present estate duty to cover the whole country simultaneously.

Mr Speaker, Sir, some \$491 million has been allocated to subsidise petroleum products and the Lembaga Letrik Negara under the 1980 Budget. The Government must ensure that the effects of the subsidy would filter downwards and benefit the rakyat, especially the poor.

Mr Speaker, Sir, in spite of the fact that the price of diesel has been increased, there is still a shortage of diesel in the market. Fishermen have not been able to go out fishing as they are unable to get diesel, thus affecting seriously their income. Public transportation has been disrupted causing

hardships to consumers because of the shortage of diesel. Even rice millers have not been spared as they are unable to get their mills going due to inadequate supply of diesel, and the persons who suffer, finally, are the padi farmers.

It would appear that the Government has failed to look after the interest of the people against the voracious appetite of the multi-national oil companies. The Government is unable to free itself from the stranglehold of multi-national oil companies and has become a pawn in the game perpetrated by these multi-nationals.

Mr Speaker, Sir, the Government must work out a system to ensure that there is sufficient and adequate diesel in the market. Penalties imposed on oil companies for hoarding should be increased as the present sentences that are imposed are grossly inadequate and do not mean anything to these multi-national giants who reap billions of dollars by way of profit.

I also wish to take this opportunity to urge PETRONAS to expedite the setting-up of petrol kiosks in the major towns of Sabah and Sarawak.

Mr Speaker, Sir, another point that I would touch on is with regard to the proposal to withdraw the exemption of the tax on retiring gratuity and pension paid to an employee in the public sector who retires before the age of 55. While I appreciate the need to retain senior and experienced government officers to effectively implement the Fourth Malaysia Plan, nevertheless, I feel it is grossly unfair to withdraw the exemption of the tax on retiring gratuity and pension paid to these persons. These officers have rendered yeoman service to the nation and in appreciation of the hard work put in by them, the least the Government can do is to retain the exemption of the tax on retiring gratuity and pension.

In this connection, I would suggest that a committee be formed to look into the reasons that cause a civil servant to leave Government Service. Not every officer who opts for early retirement does so because of the lucrative pay offered by the private sector. Many leave the service because of personal frustration as they have been overlooked and bypassed in terms of promotions, etc.

Mr Speaker, Sir, travel by air constitutes the main mode of transportation in Sabah and Sarawak with the people relying mainly on the service provided by MAS. The service provided by MAS in both these East Malaysian States is most unsatisfactory. Arrival and departures of flights are changed very often, thereby causing inconvenience to passengers.

Another sore point viz-a-viz MAS is the 25% cancellation fee imposed by MAS on passengers. Not all commuters who travel by MAS in Sabah and Sarawak are well to do. Many are poor and forced to travel by air since it is the only mode of travel in these two States. Many commuters often have to travel by boat, Land Rovers or walk for miles before they can reach the airport and they often become victims of the vagaries of nature, and more often than not, miss their flights. I therefore urge the authorities to reconsider their decision to impose the 25% cancellation fee for Sabahans and Sarawakians in view of the extraordinary circumstances prevailing in these two States.

Mr Speaker, Sir, the Finance Minister in his budget speech mentioned that over \$170 million is being allocated for a wide range of subsidies that will help the farmers and fishermen meet the higher costs of farm imputes, and also another \$21 million has been provided for storage and transport facilities to reduce spoilage of farmers' produce.

In this connection, I would urge the Government to set up more palm oil mills in Sabah. Palm oil producers, particularly the small-time producers, are experiencing severe hardships due to the lack of sufficient palm oil mills. More often than not, the oil palm fruit is left to rot in the estate as there are not enough mills to process the oil palm fruit.

Mr Speaker, Sir, the labour laws in the country have been amended from time to time and whenever amendments to the labour laws are made, it is the workers who emerge the losers. The rights of the working class have been so emasculated and circumscribed and activities of trade unions curtailed and restricted.

It must be remembered that workers are partners in development and they must be accorded their rightful place and share in the nation's development. The dignity of the working class must be upheld at all times and their legitimate rights zealously guarded. Any amendment to the labour laws should be first referred to the NJLAC for discussion and deliberation and sufficient time given to all parties concerned to study the proposed amendments. At the moment, the MTUC and workers are kept in virtual suspense, and the Government should as soon as practicable present the proposed amendments to the National Joint Labour Advisory Council, for failure to do so would only defeat the object of tripartite discussion between the employers, unions and Government.

Mr Speaker, Sir, I now wish to dwell on the problems caused by Filipino refugees in Sabah.

There are approximately 150,000 Filipino refugees in Sabah and we in Sabah see and experience the problems caused by them. If the people of Kelantan and Trengganu are affected by the influx of Vietnamese refugees, we in Sabah similarly experience the same from the influx of the Filipino refugees.

But, Mr Speaker, Sir, what has baffled us in Sabah is that why has the the Government turned a blind eye to the problems caused by the Filipino refugees in Sabah? Why has the government adopted an "Open Door Policy" in so far as Filipino refugees are concerned? Why are they allowed to come in droves into Sabah, thereby creating serious security and socio-economic problems.

Mr Speaker, Sir, I want to make it clear that the people in Sabah are not against any governmental efforts to provide humanitarian assistance to refugees, whatever their origin may be. However, whilst the Government is spending millions of dollars on Filipino refugees, it should not do so at the expense of our very own people.

At the moment, the refugees are resettled in housing schemes and priority is given them, thereby denying our own people homes. Charity must begin at home and the needs of our very own people must be attended to urgently.

The crime rate in Sabah is soring high and it has been alleged that these crimes are committed by Filipino refugees who after the commission of the crime, fled to the Philippines and only returned when the coast was clear. I am not suggesting that these refugees are crime-prone or are potential criminals but it cannot be denied that due to socio-economic backwardness, they are forced to resort to crime.

The Police find it difficult to maintain proper law and order as the police force in Sabah is understaffed, and in this connection, I would urge that the police force in Sabah be increased and provided with modern weapons.

Mr Speaker, Sir, on 23rd October, 1979 a passenger launch "Saleha Baru" with 44 passengers and 3 crew on board which was sailing from Semporna to Lahad Datu was hijacked by 5 armed Filipino pirates in two pump boats. Police sources said that the launch was believed to have been hijacked while it made a stop at Pulau Adal, about 25 miles from Lahad Datu. This is the 9th case of piracy in Sabah this year, but this is the first case involving a large number of people. The incident resulted in 3 people being killed including one Haji from Semporna. According to reliable reports these Filipino pirates had stayed in Semporna before for some time, and even some of the captives knew them personally.

Since November last year till now three boats have been reported lost. Two were fishing boats and one a timber trawler. The latter incident took place just in Sandakan harbour itself. Our fishing boats while having their catch in Sabah waters were often attacked by armed Filipino pirates. On some occasions, even merchant ships were attacked. Many lives and boats were lost, and there is still no solution to these grave problems.

The shocking and tragic death involving three persons of the "Saleha Baru" at the hands of the Filipino pirates must be taken seriously by the Government. Fears have arisen in the minds of all honest citizens of Sabah as a result of these criminal acts; the Police are unable to protect their lives and properties and at the same time all these serious crimes remain unsolved.

Mr Speaker, Sir, all Filipino pirates while at sea call themselves refugees; they attack our fishing boats and timber trawlers and even merchant ships and, on the other hand, when they come to Sabah they are deemed as refugees, and come under the protection of the Governmnet. All those who committed crimes in Sabah flee to Philippines and come back later when the coast is clear. They have been referred to by the Chief Minister of Sabah as "boarders" in the May issue of *Malaysian Business*.

The people of Sabah believe that these Filipino refugees are armed with weapons. The number of refugees quoted by the Chief Minister of Sabah in the *Malaysian Business* May issue stands at around 70,000 to 90,000. But the people of Sabah believe that the actual number is much more than this figure because there is unchecked influx of refugees daily into Sabah. Sabahans believe that the number of Filipino refugees in the State exceed 20% of the total population.

I call on both the Minister of Home Affairs and the Minister of Defence to provide maximum and tight security along the waters of Sabah and also in all the squatter areas where the Filipino refugees stay, so that our fishermen, passenger boats, merchant ships, taxi drivers and the ordinary people could be safe. In this connection, I would urge the Minister of Home Affairs to instruct the Police to thoroughly search all the houses of Filipino refugees for arms which would be used to endanger the lives of the people and the security of the State.

Mr Speaker, Sir, the *STAR* of 22nd October, 1979 reported that about 200 armed Filipino Muslim rebels have returned to the Southern Island of Basilan from Sabah. This is the first time in three years that it has been said rebels have returned from nearby Sabah—to which some 90,000 Filipino muslims fled to escape the fighting." The report described the rebels of the Moro National Liberation Front as "foreign-trained". The report said that the rebels were led by a commander named Kana Yassin, who landed on Basilan Island, about an hour's boat ride from the Southern Command headquarters city. The report further added that Kana Yassin and his band were armed with high powered weapons

including Soviet made AK 47 and M-14 rifles and several hundred thousand rounds of ammunition and that they had arrived from Sabah a week ago.

The Government should treat this matter seriously and urgently and cause an investigation to be made to ascertain the voracity or otherwise of this report and I hope when the Minister of Home Affairs replies to points made during this debate he would present a report on the investigations to this House. Not only ASEAN unity and solidarity is at stake but our very own credibility is at stake.

Mr Speaker, Sir, the current rate of EPF contribution is 6% by the employee and 7% by the employer. This rate was fixed in 1975 and has not been revised yet. The main purpose in having the provident fund for workers is to ensure that when they retire, they can use the EPF contributions to subsist on. In view of the fact, that the cost of living has increased and the purchasing value of the ringgit is diminishing, I urge the Minister of Finance to seriously consider raising the rate of contribution from 6% to 12% for employees and 7% to 18% for employers.

Mr Speaker, Sir, all temporary teachers recruited by the Sabah Education Department from 1977 to 1979 received notice of termination with effect from 1-1-1980. The total number of teachers affected is around 100. I call upon the Minister of Education, to look into the problems created to the temporary teachers in Sabah and find a solution to recruit them into permanent service.

Mr Speaker, Sir, hospitals in Sabah are still facing the grave problem of shortage of specialists especially in Sandakan, Tawau, Lahad Datu and other places. National health is of primary importance for nation building. I call upon the Minister of Health to look into the matter urgently and make necessary improvements.

Medical staff in Sabah are required to travel by boats and by Land Rovers to provide medical services in the interior to the ulu people. They always encounter great danger during their journeys. Yet there is no cover for compensation if accidents occur. I call upon the Minister of Health to introduce insurance protection to the medical staff in Sabah.

Mr Speaker, Sir, the Chief Minister of Sabah in his interview in the *Malaysian Business* in the May issue this year stated that the ban against the Member from Petaling and the Member from Kuala Lumpur Bandar is still on. The reason given by the Chief Minister of Sabah was that he was afraid that the Filipino refugees, may in the hundreds or in the thousands would go against them, and the Police could not give them protection in the State. Mr Speaker, Sir, if the Filipino refugees, for reasons unknown to this House, can cause trouble to the Members of Parliament in this country, and prevent them from exercising their legitimate rights as Members of Parliament in this country, then I must say that the Filipino refugees' existence in this country has posed great danger to the security of the Nation. I call upon the Minister of Home Affairs to take immediate action to ensure that the Filipino refugees problem be dealt with similarly as that of the Vietnamese refugees.

Mr Speaker, Sir, on 17th October, 1979, I had asked whether the Finance Minister was aware that although the salaries of workers in Sabah and Sarawak were very much higher than that paid to the counterparts in West Malaysia in view of the high cost of living, nevertheless their take home pay after tax deduction is not enough to cope with the high cost of living as a higher salary would mean a higher rate of taxation and whether rebates would be given to workers in Sabah and Sarawak. The Deputy Finance Minister in her reply stated that the question of income tax rebate for people working in Sabah and Sarawak should not be raised because the tax structure was based on the person's ability to pay.

The Deputy Finance Minister has completely missed the point. She has not taken into consideration the fact that the cost of living in East Malaysia is comparatively higher. In fact the Economic Report puts the inflation rate for Sabah for the year 1978 at around 5%. Mr Speaker, Sir, the letter jointly signed by all the associations making up the Chinese Chamber of Commerce in Sandakan sent to

the Honourable Finance Minister makes mention of the fact that the cost of living in Sandakan is 50% higher than that of Kuala Lumpur. The purchasing power of the ringgit, therefore, is very much less in Sabah and Sarawak than in Kuala Lumpur, whilst at the same time the workers in these two States are required to pay higher taxes. The following are comparative figures showing the income received by a bank clerk in Sabah and Sarawak in his first year of employment with that of a bank clerk in Peninsular Malaysia:

	<i>Chargeable Income</i>	<i>Tax Payable</i>
Sabah/Sarawak ...	\$ 4,710	\$348.90
Peninsular Malaysia ...	4,160	299.40
Difference (between Sabah/Sarawak and Peninsula) ...	550	49.50
Percentage (between Sabah/Sarawak and Peninsula) ...	13.22%	16.53%

The Finance Minister can observe from the above figures that although workers in Sabah and Sarawak receive much higher wages than that received by their counterparts in Peninsular Malaysia, they are required by law to pay a higher rate of taxes. I call on the Finance Minister to seriously consider my proposal that the people of Sabah and Sarawak be given rebates in view of the high cost of living. If ability to pay is the sole criteria, then there should be no tax reductions for persons whose income exceed \$75,000 for surely such people have the best ability to pay.

Mr Speaker, Sir, the Member for Kota Setar mentioned about the erection of the Kuan Yin statue in Penang. The practice of religion by individuals is guaranteed in our Constitution. Therefore, no other religion should interfere in the beliefs or establishments of temples or statues by other religions in this country. Mr Speaker, Sir, we in the DAP believe that the New Economic Policy of the country should be planned and implemented in accordance with the racial composition and requirements of the country and

it should not be planned on Muslim religion alone as mentioned by the Member for Dungun.

Mr Speaker, Sir, all religions in the country teach the people to be good citizens, thus they help in nation building. Therefore, they should be respected by all in the country.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Mantin.

6.11 ptg.

**Datuk Lee Boon Peng (Mantin):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 18hb Oktober yang lepas.

Cadangan-cadangan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri itu adalah cadangan-cadangan yang terbaik yang kita mendengar selama ini semenjak Kemerdekaan. Potongan cukai yang berjumlah sebanyak \$482 juta adalah satu potongan cukai yang terbesar dalam sejarah negara kita dan konsep baru atas percukaian barangan yang diasaskan atas kaedah cukai yang dikenakan selepas kos, dan pertambahan dalam jumlah pelepasan untuk orang perseorangan bagi suami dan isteri dan elaun-elaun bagi anak-anak belajar di negeri seberang laut adalah dinaikkan menjadi empat kali ganda. Semua langkah-langkah ini telah memberi faedah yang besar kepada golongan-golongan berpendapatan rendah dan tengah dalam masyarakat kita.

Pertambahan besar dalam pelepasan untuk orang perseorangan akan bermakna bahawa rakyat yang berpendapatan kurang daripada \$500 sebulan tidak perlu membayar cukai pendapatan dan bagi mereka yang berpendapatan lebih \$500 hingga \$1,100 sebulan, jumlah cukai pendapatan akan dikurangkan bergantung atas berapa mereka dapat minta daripada pelepasan orang perseorangan dan elaun-elaun bagi pelajaran anak-anak itu. Hasil-hasil yang akan dikeluarkan daripada langkah ini adalah pertambahan jumlah pendapatan dan kemudian akan menambahkan tenaga membeli orang-orang bergaji.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan konsep baru percukaian barangan, yang sekarang telah terlibat dengan faktor "cukai yang dikenakan selepas kos" dan satu kadar marginal maxima sama sebanyak 50% bagi semua barang-barang akan menjamin bahawa pekebun kecil getah dan kelapa sawit dan juga tuanpunya-tuanpunya lombong timah marginal akan mendapat faedah lebih banyak kerana harga satu pikul yang mereka dapat atas produksi bulanan mereka akan ditambah. Misalannya cukai eksport getah akan dikurangkan hingga lebih kurang \$8 satu pikul supaya bagi sebuah estet getah 10 ekar dengan produksi bulanan sebanyak 10 pikul, pendapatan pekebun kecil ini akan ditambah hingga lebih kurang \$80 sebulan, begitu juga golongan berpendapatan rendah akan mempunyai lebih banyak tenaga pembelian.

Kami juga mengalu-alukan alokasi yang terlalu besar sebanyak \$585 juta dalam Belanjawan untuk memperbaiki dan mengembangkan sistem talikom. Kami mendesak Yang Berhormat Menteri berkaitan bahawa alokasi ini bukan hanya bagi perkhidmatan baru tetapi ianya patut menolong atasi masalah-masalah sekarang, iaitu, talipon-talipon bagi warganegara biasa mesti dijalankan tiap-tiap hari, tidak lagi menunggu lama bagi kemudahan-kemudahan talipon baru, dan perkhidmatan teknikal lemah seperti salah termasuk sambungan, mendapat nombor salah, dan tidak ada nada dail. Misalnya, talipon-talipon dalam kawasan saya di Mantin boleh mendail Kuala Lumpur, tetapi pelanggan-pelanggan di setengah kawasan-kawasan di Kuala Lumpur tidak dapat mendail talipon-talipon ini di Mantin. Pada masa sekarang masalah ini masih belum diatasi.

Tuan Yang di-Pertua sungguhpun kekurangan cukai jalan atas bas dan taxi, tetapi masih ada rungutan atas tambang-tambang lebih tinggi oleh tuanpunya-tuanpunya bas dan taxi oleh kerana ketinggian kos bahagian-bahagian pengganti motor dan ketinggian premium insuran. Kita semua sedar bahawa syarikat-syarikat insuran

mengenakan premium-premium lebih tinggi oleh kerana bil-bil memperbaiki bagi kereta-kereta sangat tinggi disebabkan oleh ketinggian kos bahagian-bahagian pengganti motor. Bahagian-bahagian pengganti motor impot berharga tinggi tetapi bahagian-bahagian pengganti motor buatan tempatan juga berharga sama tinggi.

Yang Berhormat Menteri itu menyatakan baru-baru ini bahawa penggantungan tinggi atas elmen-elemen impot telah menyebabkan ketinggian harga-harga barang-barang buatan tempatan. Belum lagi ditegaskan adalah bila Kerajaan sedang membuat sesuatu dengan sedaya-upaya supaya mencegah inflasi dan mengurangkan kesusahan-kesusahan rakyat miskin dan berpendapatan rendah, kilang-kilang dan pembuat-pembuat tempatan sedang meninggikan harga-harga mereka supaya mendapat lebih banyak faedah. Biarlah kita mengambil simen sebagai misal kita. Bila harga bumbung (ceiling price) runcit sebanyak \$8.20 telah ditetapkan dua bulan yang lalu, iaitu patut dianggap sebagai harga tertinggi satu beg simen yang akan dijual oleh peruncit-peruncit di mana-mana tempat dalam Malaysia. Walau bagaimanapun, pembuat-pembuat itu telah menetapkan bahawa semua peruncit-peruncit dan peniaga-peniaga mesti mengambil bekalan simen-simen itu dari depot-depot di bandar-bandar besar dalam Malaysia dengan harga depot yang ditetapkan oleh pembuat-pembuat simen itu.

Misalnya, harga-harga depot bagi satu beg simen yang disimpan di depot sipembuat di Kuala Lumpur adalah lebih kurang \$7.80. Peruncit akan dikenakan membayar 10 sen satu beg bagi mengangkut simen itu di depot, 10 sen ke 20 sen satu beg bagi pengangkutan lori dari depot ke kedainya, lagi 10 sen bagi menurunkan simen itu, begitu kos kepada peruncit itu satu beg ialah \$8.10 ke \$8.20. Begitu, bagaimana beliau boleh menjual simen itu dengan harga bumbung (ceiling price) \$8.20 tanpa mendapat faedah sekurang-kurangnya 20 sen atau 30 sen supaya mengimbangkan belanja, gaji dan kerugian mungkin disebabkan oleh kepecahan beg-beg simen itu dalam perjalanan pengangkutan itu.

Sementara itu, pembuat-pembuat simen itu telah menolakan peruncit-peruncit, peniaga-peniaga dan pemaju-pemaju rumah kecil membeli simen di kilang-kilang dengan harga kilang, oleh kerana jika peruncit-peruncit dibenarkan mengambil simen mereka di kilang itu, mereka akan mencermatkan belanja atas pengangkutan lori, oleh sebab mereka boleh menggunakan lori mereka sendiri.

Dalam keadaan begitu, dasar Kerajaan ingin membekalkan rumah-rumah murah kepada golongan berpendapatan rendah akan menghadapi halangan, oleh kerana pertambahan harga-harga simen, bar-bar besi (mild steel bar) dan bahan-bahan pembinaan yang lain, harga-harga rumah telah dinaikkan hampir tiap-tiap beberapa bulan.

Tuan Yang di-Pertua, kami mendesak Yang Berhormat Menteri berkaitan mengambil minat dan perhatian atas perkara ini sebelum keadaan makin lama makin buruk, dan mengarah bahawa kilang-kilang simen membenarkan peruncit-peruncit dan peniaga-peniaga boleh mengambil bekalan simen itu di kilang-kilang dengan harga kilang bukan daripada depot mereka. Jika peruncit-peruncit mengambil bekalan-bekalan di depot-depot, maka patutlah membenarkan membeli simen itu dengan harga depot sebanyak sedikit dikurangkan supaya peruncit-peruncit dapat mengimbangkan belanja kakitangan dan pengangkutan lori itu, dengan begitu dapatlah mereka boleh menjual simen itu dengan harga bawah harga ceiling \$8.20.

Tuan Yang di-Pertua, selepas mengikuti ucapan-ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini semenjak Belanjawan itu dibentangkan, saya sangat tertarik kepada beberapa cadangan yang telah dikemukakan baru-baru ini.

Yang pertama, saya merujuk kepada seruan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda untuk memperbaiki Pasaran Saham Kuala Lumpur (The Kuala Lumpur Stock Exchange).

Saya menyokong penuh seruan ini dan harap Kerajaan akan mengambil tindakan segera untuk memperbaiki urusan-urusan

di Pasaran Saham Kuala Lumpur. Dalam membuat sokongan itu, saya ingin menambahkan beberapa perkara tentang pasaran modal (capital markets) dan pentingnya kepada pembangunan dan perkembangan ekonomi dalam sebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah juga mendengar banyak pengaduan tentang urusan Pasaran Saham Kuala Lumpur yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Pasaran Saham Kuala Lumpur (member-firms of The Kuala Lumpur Stock Exchange). Mereka telah mendakwa bahawa Pasaran Saham Kuala Lumpur tidak konsisten dalam menjalankan urusan-urusan harian. Ini telah membangkitkan perasaan yang tidak puas hati antara ahli-ahli Pasaran Saham. Tuan Yang di-Pertua, adalah mustahak bagi kita untuk membentuk pasaran saham yang segar supaya ia boleh memainkan peranan yang berkesan dalam usaha Kerajaan untuk memajukan iklim pelaburan yang sihat dan segar. Sebuah pasaran saham yang sihat boleh membekalkan satu punca untuk industri-industri kita memperolehi modal mereka untuk membangun industri masing-masing dan dengan demikian mempercepatkan proses perkembangan ekonomi.

Kerajaan kita telah juga mengumumkan matlamatnya untuk mengujud Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan yang besar di Asia dan juga untuk membentuk pasaran barangan antarabangsa (international commodity exchange) di Kuala Lumpur. Pada pendapat saya, sebuah pasaran modal yang berkesan dan sihat memang boleh melengkapkan atau complement" kedua-dua pasaran barangan antarabangsa dan pusat kewangan yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan. Memandangkan faktor-faktor yang saya sebutkan tadi adalah mustahak bagi kita memulihkan keyakinan, khasnya keyakinan para pelabur ke atas pasaran saham. Saya ingin menyeru Kerajaan untuk memberi pertimbangan yang cepat ke atas perkara ini.

Perkara yang kedua yang saya ingin merujuk ialah mengenai strategi-strategi untuk mencegah inflasi yang telah dikemuka-

kan oleh Ahli Yang Berhormat dari Raub. Khasnya, saya merujuk kepada seruannya kepada Kerajaan untuk merumuskan Dasar Harga Tetapi bagi semua keluaran petroleum sebagai satu strategi yang boleh mencegah inflasi pada puncanya. Saya sokong dengan penuh seruan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa Kerajaan telah memberi banyak subsidi ke atas diesel dan kerosene akan tetapi saya memerhatikan bahawa Kerajaan belum memberi subsidi untuk fuel oil. Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini telah sedar fuel oil merupakan satu faktor pengeluaran (factor of production) yang amat penting dalam banyak keluaran seperti besi waja, simen, batu bata dan lain-lain bahan binaan.

Seandainya Kerajaan ingin mengawal harga rumah-rumah dan harga-harga lain keluaran yang banyak menggunakan fuel oil dalam pengeluarannya, Kerajaan patutlah memberikan pertimbangan yang serius ke atas seruan saya untuk memberi subsidi ke atas fuel oil. Kos yang terlibat dalam memberi subsidi ini memang besar tetapi faedah-faedah yang akan berhasil darinya pun besar juga, khasnya faedah-faedah yang mengalir dari ekonomi yang stabil. Tambahan pula subsidi ini akan meninggikan daya persaingan kilang-kilang tempatan dalam pasaran eksport yang mana boleh mendapat banyak pertukaran wang asing bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Belanjawan tahun 1980.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar.

6.28 ptg.

**Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali (Kuala Kangsar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu-alukan Belanjawan tahun 1980 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 18hb Oktober yang lalu.

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah Subhanahu wata'ala, terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat

Mulia Menteri Kewangan di atas kebijaksanaannya menyediakan Belanjawan yang mendapat sambutan yang baik dari segenap lapisan rakyat.

Apa yang jelas dan terang dari ucapan Belanjawan Menteri Kewangan ialah keazaman untuk meneruskan dasar-dasar pertumbuhan ekonomi dan keyakinan bahawa dasar-dasar ini boleh dicapai sungguhpun keadaan ekonomi dunia menunjukkan gejala-gejala yang tidak menggalakkan. Cadangan "pemberian-pemberian" atau "handouts" yang dianjurkan oleh Belanjawan itu tentulah bukan kerana sesuatu alasan yang tidak berpijak kepada kenyataan dan di luar kemampuan. Struktur dalam skim "pemberian-pemberian" yang dicadangkan itu menunjukkan bahawa kita sedang menghala kepada matlamat-matlamat sosio-ekonomi yang tegas, sebagai mana yang terkandung dalam objektif Dasar Ekonomi Baru.

Cadangan-cadangan Belanjawan seperti peruntukan bagi jalan-jalan sektor luar bandar, bekalan air dan elektrik, perkhidmatan kebajikan dan kesihatan dan sebagainya adalah di antara asas-asas yang terkandung dalam falsafah penyusunan semula masyarakat dalam konteks keadaan ekonomi sedang

berkembang. Dasar-dasar mengenai pertumbuhan ekonomi kadang-kadang mendedahkan Kerajaan kepada tuduhan-tuduhan bahawa ia tidak membela orang-orang yang kurang bernasib baik dengan secukupnya. Akan tetapi dakwaan-dakwaan ini biasanya datang dari mereka yang menganggap bahawa penyelesaian boleh dilakukan dalam sekelip mata atau dalam jangka waktu yang singkat, dan mereka yang gagal melihat objektif-objektif pertumbuhan yang dicadangkan oleh Kerajaan itu dalam perspektifnya yang betul.

**Tuan Yang di-Pertua,** sumbangan Belanjawan tahun 1980 kepada matlamat penyusunan semula masyarakat boleh dilihat dari peruntukan-peruntukan dalam bidang infrastruktur luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat suka hendak menyambung esok?

**Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, 8hb November, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*